

“KEBERANIAN” AZAM BAKI – SATU PERKONGSIAN

1. Anwar Ibrahim kata Azam Baki “...punyai keberanian luar biasa”. Anwar Ibrahim juga kata “..melihat perkembangan SPRM sejak puluhan tahun lalu, ini kali pertama suruhanjaya berkenaan berani menggeledah tauke besar. Inilah kenyataannya, kalau nak suruh ganti, saya boleh bincang (dengan kepimpinan) dan esok juga kita akan ganti”. Zaid Ibrahim pula kata “...berani mungkin hanya bermaksud mengikut arahan – mengejar musuh politik sambil menutup mata terhadap perbuatan rakan-rakan sendiri. Azam Baki pertahan diri dengan berkata “...saya ini memang orang tak suka”. Tun M bila ditanya tentang Azam Baki, Tun M cuma jawab “...Azam Baki ada warna, kalau orang itu antikerajaan, tak buat apa pun, orang itu boleh didapati salah”.
2. Siapa yang betul? Anwar Ibrahim atau Zaid Ibrahim (bukan adik beradik Anwar Ibrahim) atau Azam Baki atau Tun M. Mereka semua ini adalah orang hebat. Cakap mesti dengan fakta bukan auta. Keberanian tidak muncul sekelip mata. Mari kita nilai perkongsian-perkongsian di bawah ini sebelum membuat kesimpulan.
3. Bulan Ogos 2008 Anwar Ibrahim pergi ke BPR untuk dirakam percakapan. Anwar Ibrahim dakwa Ghani Patail salah guna kuasa dalam kes mata lebam tahun 1998. Polis hubungi Azam Baki (Ketua Cawangan Siasatan) untuk benarkan polis masuk ke bilik rakaman percakapan lepas Anwar Ibrahim balik. Azam Baki bagi kebenaran. Berani sungguh Azam Baki tidak maklum pegawai atasan dia; Allahyarham Ahmad Said (Ketua Pengarah) atau Abu Kassim (Timbalan Ketua Pengarah) atau Shukri Abdull (Pengarah Siasatan) sebelum benarkan polis datang ke BPR.

Mengapa polis nak masuk bilik tempat Anwar Ibrahim diambil percakapan? Apa yang polis cari? Pada masa itu Anwar Ibrahim ada kes meliwat Saiful Bukhari. Anwar Ibrahim kemudiannya disabitkan kesalahan dan dihukum penjara 5 tahun. Anwar Ibrahim terselamat daripada dikenakan sebatan kerana pesalah berusia lebih 50 tahun tidak boleh disebat. Kalau Anwar Ibrahim tanya Azam Baki sekarang, berani atau tidak Azam Baki mengesahkan.

4. Pada tahun 2009, selepas PRU ke-12, Azam Baki turut terlibat dalam *black ops* untuk tumbangkan Kerajaan PH di Perak. Melalui orang-orang kuatnya Yusuf Sarjan dan Arichandran, GRO-GRO China dilanggan untuk dikendurikan oleh 2 orang ADUN PH. Video kenduri seks itu dirakam. 2 ADUN PH itu diugut supaya mereka tarik sokongan kepada PH. Matlamat menghalalkan cara. Dosa pahala tolak tepi. Bukan sahaja mereka rakam perbuatan zina, bahkan guna duit rakyat untuk 2 ADUN PH itu berzina. Duit halal diguna buat kerja haram. Kerajaan PH akhirnya tumbang di Perak. Video seks ADUN PH dengan GRO-GRO China itu juga dipertontonkan di mahkamah semasa perbicaraan.

Yang tidak boleh dipertontonkan adalah video individu mirip Anwar Ibrahim membalun *China doll* sebab individu tersebut tidak dituduh di mahkamah. Johari Abdul (Speaker Dewan Rakyat sekarang) pernah akui Anwar Ibrahim memang membalun pelacur China selepas menonton video tersebut bersama trio Dato' T. Anwar Ibrahim pula nafikan “Bukan saya! Saya diberitahu muka dia macam saya, tetapi perutnya lebih buncit”. Anwar Ibrahim Cuma melenting bila ditanya tentang jam Omega. Yang dituduh di mahkamah adalah trio Dato' T iaitu bekas Ketua

Menteri Melaka, Rahim Thamby Chik; ahli perniagaan, Shazryl Eskay Abdullah dan bekas Bendahari PERKASA, Shuib Lazim kerana mempertontonkan video individu mirip Anwar Ibrahim membalun *China doll* itu kepada umum.

Agak-agaknya selepas tahu perkara ini, adakah DAP akan arah Anwar Ibrahim untuk tamatkan kontrak Azam Baki atau tidak? Anwar Ibrahim pun ada kata boleh dibincang dengan kepimpinan. Disebabkan *black ops* Azam Baki, ramai penyokong DAP di Perak dah tak boleh dapat tanah 999 tahun lagi selepas PH tumbang. Ada atau tidak individu seberani Azam Baki yang boleh bantu tumbangkan satu kerajaan negeri sekarang ini? Ketika jadi pegawai pertengahan pun Azam Baki dah mampu jatuhkan sebuah kerajaan negeri.

Bayangkan sekarang Azam Baki dan jadi KP SPRM. Azam Baki juga dah ada banyak sumber; lebih banyak duit dan lebih ramai balaci yang bahu mereka dipenuhi dengan bintang dan keris bersilang. Mungkin PH boleh minta bantuan Azam Baki dan gunakan kepakaran Azam Baki untuk tumbangkan pula kerajaan PN di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Dengan jasa itu, kesalahan Azam Baki kepada PH Perak boleh dimaafkan.

5. Tahun 2016 tanpa pengetahuan Dzulkifli Ahmad (KP SPRM ketika itu), Azam Baki gunakan Kumpulan Perkhidmatan Rahsia (KWPR) SPRM yang tidak boleh diaudit untuk jadi *funder* pewujudan laman sesawang Kekanda Satria. Laman sesawang itu khusus digunakan untuk menyerang Dzulkifli Ahmad sepanjang beliau menjadi KP SPRM. Pejabat kedua-dua mereka di tingkat yang sama, Aras 22 Blok C, Ibu Pejabat SPRM, Presint 7, Putrajaya. Berani sungguh Azam Baki.
6. Walaupun Azam Baki tak suka Dzulkifli Ahmad, mereka sama-sama boleh pergi jumpa Jho Low di Riyadh pada tahun 2016. Peguam Jho Low adalah Selva Mookiah. Selva Mookiah juga adalah ahli Panel Penilaian Operasi SPRM. Selain Selva Mookiah, Apandi Ali yang diberi *garden leave* oleh Tun M juga pernah wakili Jho Low. Bukan setakat jumpa Jho Low, Dzulkifli Ahmad dan Azam Baki kemudiannya pergi ke Jeddah seterusnya ke Mekah untuk tunaikan umrah. Mereka ke Jeddah menaiki jet peribadi Jho Low. Anwar Ibrahim baru-baru ini ada kata bahawa "...ada pihak-pihak tertentu dalam negara yang tidak mahu Jho Low dibawa pulang". Siapa pihak itu Anwar Ibrahim tidak bagi tahu. Mungkin kerajaan sebelum ini. Kerajaan sekarang adalah kerajaan Anwar Ibrahim. Adakah kerajaan Anwar Ibrahim pun tak mahu bawa Jho Low balik? Telah lebih 30 bulan, Anwar Ibrahim jadi Perdana Menteri, Notis Merah Interpol pun sampai sekarang masih dalam penelitian Interpol.

Kalau dahulu Azam Baki boleh jumpa Jho Low, Azam Baki pasti boleh jumpa Jho Low lagi. Kerajaan terdahulu termasuk Tun M semua gagal dan tak berani bawa Jho Low pulang. Anwar Ibrahim boleh tumpang semangkuk dan menjadi lebih popular berbanding Tun M sekiranya Azam Baki boleh bawa Jho Low pulang. Mungkin ini boleh jadi satu kejayaan besar Anwar Ibrahim yang boleh dibanggakan dan satu-satunya pencapaian Anwar Ibrahim yang dapat mengatasi Tun M jika kerajaan Anwar Ibrahim berjaya bawa Jho Low balik.

7. Pada tahun 2018 selepas jatuhnya kerajaan BN, Azam Baki baru berani keluarkan Kertas Siasatan Bung Mokhtar Radin daripada simpanan. Pegawai Penyiasat, Haris Ibrahim pada tahun 2016 lagi telah syorkan supaya Bung Mokhtar Radin dan isteri

didakwa. Mungkin Azam Baki “simpan sekejap” Kertas Siasatan tahun 2016 itu kerana Kerajaan BN masih lagi memerintah. Kes ini adalah kes yang sama diputuskan Mahkamah Rayuan baru-baru ini di mana kedua-dua mereka telah diarahkan untuk membela diri bagi kes berkenaan. Kes kembali semula ke Mahkamah Sesyen untuk Bung Moktar Radin dan isteri bela diri.

Kes Najib Razak yang dituduh pada tahun 2018 pun telah selesai dan disabitkan sehingga peringkat Mahkamah Persekutuan. Sekiranya kes Bung Moktar Radin diselesaikan lebih awal macam kes Isa Samad (yang lawat Azam Baki ketika terima rawatan di luar negara), mungkin Bung Moktar Radin ada lebih banyak masa untuk ditumpukan pada PRN Sabah hujung tahun ini. Tapi, kalau mahkamah sabitkan Bung Moktar Radin, macam mana pula dia hendak jadi Ketua Menteri nanti?

Walaupun Bung Moktar Radin hantar representasi, AGC tetap tolak. Bung Moktar Radin perlu sedar dia bukan Zahid Hamidi. Anwar Ibrahim hanya perlukan Zahid Hamidi, Anwar Ibrahim tidak perlukan sangat Bung Moktar Radin. Lagipun, Bung Moktar Radin tidak pernah jadi anak murid Anwar Ibrahim. Untuk PRN Sabah, Bung Moktar Radin perlu tunjukkan kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada Anwar Ibrahim macam Zahid Hamidi dan Lokman Adam. Manalah tahu, PH akan sokong Bung Moktar Radin jadi Ketua Menteri walaupun masih ada kes mahkamah belum selesai.

Kalau Zahid Hamidi boleh, Bung Moktar Radin pun pasti ada peluang. Lagipun prinsip tak bersalah hingga dibuktikan bersalah hanya terpakai kepada pihak yang menyokong kerajaan Anwar Ibrahim. Kalau nasib baik, AGC terima representasi dan kes mahkamah boleh dapat DNAA macam Zahid Hamidi. Azam Baki pun boleh “simpan sementara” kes Bung Moktar Radin sekali lagi.

8. Azam Baki dilantik oleh Perdana Menteri ke-8, Muhyiddin Yassin pada bulan Mac 2020 bagi menggantikan Latheefa Koya. Tidak lama selepas dilantik, tular rakaman audio dikatakan mirip suara Muhyiddin Yassin dalam satu Mesyuarat Pimpinan Tertinggi PPBM pada 23 Februari 2020 yang mengesyorkan kepada Tun M agar ahli-ahli Parlimen UMNO diberikan jawatan dalam GLC. Tawaran jawatan dibuat supaya ahli-ahli Parlimen UMNO menyokong usaha menumbangkan kerajaan PH melalui Langkah Sheraton. Umum tahu, Tun M menolak cadangan itu dan akhirnya Muhyiddin Yassin telah dilantik sebagai Perdana Menteri menggantikan Tun M.

Azam Baki dilihat seolah-olah berani mengambil tindakan terhadap Muhyiddin Yassin. Nampaknya macam ada cahaya di hujung terowong. Pada bulan Julai tahun yang sama, Azam Baki memaklumkan isu tersebut telah diserahkan kepada AGC untuk diputuskan. Namun, yang peliknya apabila ditanya sama ada rakaman percakapan Muhyiddin Yassin telah diambil atau tidak, Azam Baki hanya berkata terpulang kepada AGC. Bagaimana Kertas Siasatan diedarkan ke AGC tanpa diambil rakaman percakapan subjek utama penyiasatan? SOP sedia ada menghendaki supaya rakaman percakapan diambil terlebih dahulu sekurang-kurangnya mengikut seksyen 30 Akta SPRM 2009.

Mengapa perlu merujuk kepada AGC? Kuasa SPRM adalah melaksanakan siasatan termasuk merakam keterangan semua saksi dan memperoleh dokumen yang dapat membantu siasatan. Sejak bila SPRM perlu merujuk kepada AGC bagi mendapatkan kebenaran untuk merakam percakapan? Bahkan, SPRM juga tidak perlu

mendapatkan kebenaran daripada AGC untuk menangkap, mendapatkan tahanan reman, menyita, memberi jamin, menyoal siasat, mengeluarkan notis dan perintah, ataupun memintas perhubungan (*interception*). Ini adalah kuasa-kuasa penyiasatan.

Kuasa utama AGC adalah mengeluarkan izin mendakwa mengikut seksyen 58 Akta SPRM 2009 di samping beberapa kuasa lain. Sekiranya subjek tersebut berpotensi dikenakan pertuduhan, rakaman percakapan mengikut seksyen 53 Akta SPRM 2009 perlu diambil. Kenyataan Azam Baki yang mengatakan terpulang kepada AGC sama ada rakaman percakapan Muhyiddin Yassin perlu dibuat atau tidak menimbulkan kesangsian berhubung status sebenar kertas yang dihantar kepada AGC. Adakah ini wayang Azam Baki?

Untuk berlaku adil kepada Azam Baki, bila dirujuk kepada AGC, pasti status fail adalah Kertas Siasatan. Untuk buka Kertas Siasatan mesti ada aduan di bawah seksyen 29 Akta SPRM 2009. Jika sekadar maklumat sahaja, maklumat itu boleh dibuka pelbagai bentuk kertas operasi seperti penyiasatan awal atau bagi tujuan perisikan. Manakala yang menjurus kepada isu bukan jenayah akan dibuka fail berteraskan pemeriksaan tatakelola atau dirujuk kepada agensi berkaitan. Kesemua kertas dan fail yang berasaskan maklumat akan diputuskan di peringkat dalaman sahaja, tidak perlu dirujuk kepada AGC.

Sekiranya kertas-kertas operasi berkenaan menunjukkan ada pelaku dan kesalahan yang jelas berhubung mana-mana kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 (kesalahan predikat atau *predicate offence*), kertas-kertas operasi berkenaan akan diangkat menjadi Kertas Siasatan, ini juga tidak perlu dirujuk kepada AGC terlebih dahulu. Untuk itu, satu aduan mengikut seksyen 29 Akta SPRM 2009 perlu dibuat bagi membolehkan SPRM menggunakan segala kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta SPRM 2009. Kuasa seperti merakam percakapan, menangkap suspek, mendapatkan perintah reman, memberi jamin, mendapatkan dokumen bank dan memintas perhubungan hanya boleh dilaksanakan bila ada aduan dibuat. Apakah status sebenarnya kertas yang didakwa telah diedarkan kepada AGC sekiranya rakaman percakapan Muhyiddin Yassin tidak diambil?

Adakah rakaman percakapan Tun M yang mempengerusikan Mesyuarat Pimpinan Tertinggi PPBM turut diambil? Tun M, pasti boleh sahkan. Setakat diketahui, bukan sahaja kes Muhyiddin Yassin ini, kes melibatkan Tun M dan perisytiharan harta anak-anaknya Tun M pun masih tidak kedengaran ada rakaman percakapan Tun M diambil. Kalau dah diambil, pasti Azam Baki akan canang-canangkan. Azam Baki banyak keluaran *statement* tentang kes Tun M dan anak-anaknya sebelum ini. Ambil *statement* Tun M adalah satu publisiti dan wartawan termasuk dari luar negara boleh berkumpul ramai-ramai di depan pintu masuk Ibu Pejabat SPRM sebagaimana kehadiran Ismail Sabri untuk dirakam percakapan.

Elok juga kalau wartawan tanya Azam Baki bila SPRM nak ambil keterangan Tun M. Sebagai contoh, apabila SPRM menuduh Ling Liong Sik atas kesalahan menipu Jemaah Menteri dalam kes PKFZ, kenyataan Tun M yang mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Menteri turut dirakam. Semasa Najib Razak masih Perdana Menteri, rakaman percakapan Najib Razak untuk kes SRC International dan 1MDB juga diambil sebelum Apandi Ali dan Dzulkifli Ahmad memutuskan kes di NFA.

Azam Baki juga berkata "...dalam siasatan mengenai rakaman audio, kami melihat kepada pelbagai isu seperti keaslian suara dan sama ada yang diucapkan itu jenayah atau tidak". Mengapa hanya bergantung sepenuhnya kepada keaslian suara? Tidak adakah minit mesyuarat dibuat? Bahkan ada ahli PPBM yang dipecat dari PPBM seperti Syed Saddiq mengesahkan perkara tersebut. Adakah kenyataan Syed Saddiq telah diambil? Syed Saddiq boleh juga sahkan. Adakah ahli-ahli PPBM lain yang hadir selain Tun M turut diambil keterangan mereka?

SPRM ada Bahagian Forensik Teknologi sendiri untuk membuat ujian keaslian suara bagi tujuan penyiasatan. Bukankah makmal forensik SPRM telah mendapat akreditasi? Di samping itu, perlukah lagi ujian keaslian suara memandangkan terdapat *direct evidence* dari kalangan ahli-ahli PPBM dan catatan minit mesyuarat? Adakah ini jawapan bersilat Azam Baki, sama seperti kes video rasuah ADUN-ADUN Sabah?

Bukankah tawaran jawatan politik dan kedudukan dalam syarikat berkaitan kerajaan yang didakwa dibuat oleh Muhyiddin Yassin sebagai pertukaran untuk sokongan politik terhadapnya merupakan satu suapan? Ia jelas telah dikotakan apabila rekod menunjukkan daripada sejumlah 38 ahli politik yang dilantik untuk mengisi jawatan di GLC di era Muhyiddin Yassin, hanya 6 orang ahli politik sahaja daripada PPBM manakala baki 32 orang lagi adalah daripada parti UMNO, PAS dan GPS. Tidakkah pelantikan yang dibuat itu turut memenuhi keperluan anggapan (*presumption*) di subseksyen 50 (1) Akta SPRM 2009?

Bukankah Azam Baki pernah menyebut bahawa Muhyiddin Yassin paling banyak melantik ahli-ahli politik untuk mengisi jawatan di GLC? Adakah Azam Baki sedar Anwar Ibrahim telah berjaya memecahkan rekod tersebut? Adakah Azam Baki individu yang memberi nasihat kepada Anwar Ibrahim bahawa lantikan politik bukan salah guna kuasa, tetapi untuk balas jasa?

Dalam jawapan bertulis pada 22 Mac 2022, Wan Junaidi (kini YDP Sarawak) Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) kepada Teo Nie Ching (PH-Kulai), Wan Junaidi memaklumkan bahawa SPRM telah menyiasat audio mirip suara Muhyiddin Yassin berhubung kes yang tular itu. Wan Junaidi turut menyatakan bahawa SPRM telah lengkap menjalankan siasatan terhadap bekas Perdana Menteri berkenaan dan hasil siasatan mendapati tiada elemen kesalahan di bawah Akta SPRM 2009. Bagaimana siasatan telah dilengkapkan ketika mana rakaman percakapan mereka yang terlibat tidak diambil?

Adakah SPRM telah menipu Wan Junaidi sehingga Wan Junaidi memberikan jawapan sedemikian. Bukankah draf jawapan disediakan oleh SPRM dan diedarkan terus kepada Teo Nie Ching memandangkan ia berbentuk soalan bertulis? Mungkin juga Wan Junaidi yang sengaja jawab sedemikian untuk melindungi Muhyiddin Yassin kerana PPBM adalah sebahagian daripada kerajaan yang memerintah pada ketika itu. Sekiranya fakta tersebut tidak betul, dalam apa-apa keadaan pun, Wan Junaidi boleh dianggap telah mengelirukan Dewan Rakyat.

9. Pada bulan Mac 2021, Ketua Pembangkang, Anwar Ibrahim datang jumpa Azam Baki di Ibu Pejabat SPRM. Jumpa di bilik yang sama Dzukifli Ahmad pernah duduk. Pertemuan dibuat bila SPRM siasat Xavier Jeyakumar (PH-Kuala Langat). Xavier Jeyakumar pernah kata beliau diugut semasa siasatan. Akhirnya, Xavier Jeyakumar

letak jawatan sebagai ahli dan Naib Presiden PKR. Xavier Jeyakumar kemudiannya mengalih sokongan kepada kerajaan PN yang dipimpin oleh Muhyiddin Yassin. Kenapa Azam Baki berani berdepan dengan Anwar Ibrahim? Adakah disebabkan Anwar Ibrahim hanya Ketua Pembangkang dan tidak dapat memberikan apa-apa manfaat atau ancaman kepada Azam Baki pada ketika itu? Setakat ini belum dengar Xavier Jeyakumar didakwa di mahkamah. Xavier Jeyakumar pun dah mula rapat balik dengan PKR.

Kenapa Azam Baki berani berjumpa Anwar Ibrahim? Sebenarnya ia bukannya pertama kali mereka berdua berjumpa. Azam Baki dikatakan pernah bertemu Anwar Ibrahim di London, UK ketika Latheefa Koya menjadi KP SPRM. Apa yang mereka bincangkan? Hanya Anwar Ibrahim dan Azam Baki sahaja yang tahu.

Perlu diingat, Latheefa Koya sebelum menjadi KP SPRM dilihat cenderung kepada kem Azmin Ali. Pada 15 Disember 2018, PKR yang diketuai oleh Anwar Ibrahim telah mengumumkan pelantikan Nurul Izzah sebagai Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri Pulau Pinang. Namun, Latheefa Koya telah melancarkan serangan ke atas Anwar Ibrahim dan Nurul Izzah kerana telah wujud budaya nepotisme dalam PKR dengan pelantikan tersebut. Akibat daripada itu, Nurul Izzah telah meletakkan segala jawatan dalam PKR dan juga di peringkat Persekutuan. Nurul Izzah hanya kekal sebagai Ahli Parlimen (PH-Permatang Pauh). Adakah serangan Latheefa Koya kepada anak papa itu sebahagian daripada perbincangan antara Anwar Ibrahim dan Azam Baki di London?

Semasa Latheefa Koya menjadi KP SPRM, Latheefa Koya sendiri tidak mempercayai Azam Baki. Latheefa Koya telah menukarkan beberapa pegawai kanan di Ibu Pejabat SPRM yang rapat dengan Azam Baki. Latheefa Koya juga dikatakan banyak mengadakan pertemuan dengan pegawai SPRM yang dipercayainya di luar Ibu Pejabat SPRM kerana khuatir bilik beliau dipasang dengan alat penyadapan (*bugging device*) oleh Azam Baki. Latheefa Koya juga tidak gunakan pegawai pengiring peribadi daripada SPRM. Latheefa Koya gunakan khidmat pengiring peribadi daripada polis. Setelah Azam Baki menjadi KP SPRM, semua pegawai yang ditukarkan oleh Latheefa Koya, ditempatkan semula ke posisi asal mereka.

Bahkan dikatakan Tun M sendiri pun tidak selesa dengan Azam Baki dan pernah berhasrat untuk mengeluarkan Azam Baki daripada SPRM. Semasa Tun M mencari-cari bakal KP SPRM bagi gantikan Dzulkili Ahmad, Tun M temuduga Mustafar Ali, Shukri Abdull dan Abu Kassim. Tun M tak pula panggil Azam Baki walaupun Azam Baki adalah TKP Operasi SPRM. Sebaliknya, Idris Zaharuddin (sekarang ini Pengarah Perisikan SPRM) pula Tun M panggil.

Mungkin Tun M dah nampak Azam Baki ada warna. Tun M tak mahu rosakkan agenda menjadikan Malaysia yang bersih dan dikenali kerana integritinya bukan kerana rasuahnya. Tun M tak perlu bawa penyapu macam Anwar Ibrahim untuk cuci rasuah. Tun M hanya perlukan individu yang amanah, bertanggungjawab dan tegas menegakkan undang-undang tanpa mengira warna (*colour blind*) dan mereka yang bertindak *without fear or favour*.

Bagaimana Tun M boleh agak Azam Baki ada warna? Tun M tak pernah jumpa Azam Baki. Tun M mula kenal Azam Baki pun melalui RCI Forex ke atas Tun M yang mana Azam Baki adalah Ahli RCI. Tun M pernah bagi tahu dia lantik Latheefa Koya

setelah bincang dengan berapa pihak, tapi bukan dengan ahli Jemaah Menteri. Mungkinkah Tun M bincang dengan Allahyarham Tun Daim? Sebelum PRU ke-14, Azam Baki dikatakan banyak salur maklumat kepada Allahyarham Tun Daim. Akhirnya Shukri Abdull jadi KP SPRM, Mustafar Ali jadi KP NFCC manakala Abu Kassim jadi KP GIACC.

Setelah Shukri Abdull menyelesaikan siasatan dan berjaya mendakwa kes-kes besar seperti SRC International, 1MDB, Najib Razak, Rosmah Mansor, Tengku Adnan, Isa Samad, Bung Moktar Radin, Arul Kanda dan Irwan Serigar, beliau secara sukarela ketika masih di bawah pentadbiran Tun M, memendekkan tempoh kontrak yang masih berbaki. Tun M kemudiannya nasihat YDPA untuk lantik Latheefa Koya walaupun Azam Baki masih lagi TKP Operasi SPRM. Mengapa Tun M masih tidak mahu lantik Azam Baki jadi KP SPRM walaupun Azam Baki individu nombor 2 dalam SPRM selepas Shukri Abdull? Mungkin Tun M masih nampak ada warna lagi pada Azam Baki.

Walaupun Tun M pernah berhasrat untuk mengeluarkan Azam Baki dari SPRM, Tun M tak berbuat demikian. Mungkin itu kelemahan dan kesilapan Tun M. Lembut pula hati Tun M ketika itu berbanding ketika jadi Perdana Menteri ke-4. Azam Baki pasti masih ingat lagi perbualan sayu beliau dengan Tun M ketika Tun M melawat Azam Baki di hospital selepas Azam Baki dibedah sekitar bulan Ogos 2019. Mungkin itu yang menyebabkan Tun M lembut hati.

10. Ugutan-ugutan ke atas pihak yang menentang pemerintah begitu ketara di era Azam Baki menjadi KP SPRM. Berikut adalah beberapa contohnya:

➤ Pada awal tahun 2021, Azam Baki arahkan siasatan dibuat ke atas Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak). Tajuddin Abdul Rahman adalah salah seorang Ahli Parlimen UMNO yang dilantik oleh Muhyiddin Yassin mengetuai GLC. Tajuddin Abdul Rahman cukup lantang mengkritik kepimpinan Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri. Tak kenang budi langsung Tajuddin Abdul Rahman ini atau dia diarah dan direstui parti untuk terus mengkritik. Tajuddin Abdul Rahman lebih hebat mengkritik berbanding Lokman Adam dan Puad Zarkasi yang digabungkan. Maklumlah darah panglima mengalir dari daerah yang bunuh JWW Birch.

Siasatan dibuat setelah Azam Baki bertemu dengan salah seorang pemimpin kanan PPBM. Azam Baki geledah fail balik. Jumpa maklumat tahun 2020 ketika Tajuddin Abdul Rahman jadi Pengerusi Prasarana. Maklumat itu hanya disimpan tanpa diambil apa-apa tindakan. Siasatan berjalan dan selepas ditangkap (tidak direman dan dipakaikan baju oren) serta dimaklumkan akan didakwa, Tajuddin Abdul Rahman menikus dan kemudiannya dilihat mula menentang kepimpinan UMNO. Hilang terus darah kepahlawanan Panglima Pasir Salak itu. Akhirnya Tajuddin Abdul Rahman digantung selama 6 tahun oleh Zahid Hamidi mulai September 2022. Penggantungan ditarik balik pada November 2024.

Tajuddin Abdul Rahman baik duduk diam-diam. Izin mendakwa masih belum batal lagi. Tajuddin Abdul Rahman kena cepat-cepat belajar dari Zahid Hamidi macam mana nak jadi anak murid Anwar Ibrahim. Manalah tahu, masih menyimpan hasrat nak bertanding lagi, takut tapisan SPRM tak lepas sebab fail tak ditutup lagi. Lebih merisaukan lagi, Kertas Siasatan yang “disimpan

sementara” boleh diaktifkan semula oleh Azam Baki sebagaimana Kertas Siasatan Bung Moktar Radin.

- Pada bulan Julai 2021, Azam Baki arahkan supaya pertuduhan terhadap Syed Saddiq (meninggalkan PPBM dan menubuhkan MUDA) dimulakan di mahkamah. Hakikatnya, izin mendakwa telah diperoleh setahun lebih awal pada bulan Ogos 2020. Azam Baki simpan lagi. Mengapa Syed Saddiq dituduh setahun selepas izin mendakwa diperoleh daripada Pendakwa Raya? Sebab Syed Saddiq tidak mahu menyokong kerajaan darurat Muhyiddin Yassin. Syed Saddiq ada bangkitkan isu ugutan itu semasa perbicaraan. Kalau Syed Saddiq boleh diugut, ada kemungkinan saksi-saksi lain juga diugut untuk memberi keterangan yang tidak memihak Syed Saddiq.

Sekiranya rayuan Syed Saddiq di Mahkamah Rayuan ditolak, Syed Saddiq akan disebat. Yang selamat dari disebat adalah Anwar Ibrahim dalam kes liwat Saiful Bukhari kerana Seksyen 289 CPC tidak membolehkan pesalah berusia lebih 50 tahun disebat. Kepada saksi-saksi yang bersengkokol memberikan keterangan palsu dan pegawai SPRM yang mengugut dalam kes Syed Saddiq ini, anda semua tanggung dan jawablah di akhirat nanti. Sebatan di dunia tak sama dengan sebatan di akhirat.

- Pada hujung bulan Januari 2022, Azam Baki umumkan SPRM jalankan siasatan ke atas Maszlee Malik (meninggalkan PPBM untuk menyertai PKR). Maszlee Malik didakwa terima rasuah bagi tujuan aktiviti politik selain terima Vellfire daripada EGMS, anak syarikat Kementerian Pendidikan semasa Maszlee Malik menjadi Menteri di bawah pentadbiran Tun M. Maszlee Malik mendakwa siasatan SPRM itu adalah intimidasi. Maszlee Malik sebelum itu diuar-uarkan akan menjadi calon PH bagi mengisi jawatan Menteri Besar Johor sekiranya PH memenangi PRN Negeri Johor pada bulan Mac 2022. Sehingga hari ini, tiada tindakan lanjut diteruskan ke atas Maszlee Malik selepas beliau tewas dalam PRN Negeri Johor.
- Awal bulan Mei 2024, Azam Baki umumkan bahawa SPRM sedang siasat dan tahan Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli atas dakwaan rasuah dan salah guna kuasa membabitkan pelaksanaan projek pembangunan prasarana berjumlah puluhan juta ringgit di negeri itu sejak 2022. Sehingga hari ini, Mohd Shukri Ramli belum dikenakan apa-apa pertuduhan. Dah lebih setahun dan kes bukannya rumit. Kes Allahyarham Tun Daim yang melibatkan akaun di syarikat luar pesisir pun boleh dituduh dengan pantas oleh SPRM.

Akhirnya, anak Mohd Shukri Ramli yang juga merupakan menantu Presiden PAS pula dituduh kerana membuat tuntutan palsu berjumlah RM19,000.00. Adakah ini cubaan pertama Azam Baki untuk jatuhkan kerajaan Negeri Perlis? Mula dengan negeri kecil dahulu, sebelum negeri-negeri lain yang diperintah PN.

- Pada pertengahan April 2025, bekas Timbalan YDP Dewan Negara, Mohamad Ali Mohamad yang juga Timbalan Ketua Penerangan PPBM ditahan dan direman oleh SPRM atas kesalahan rasuah yang didakwa dilakukan antara tahun 2021 hingga 2023 melibatkan projek tambak laut di Melaka. Adakah ini merupakan satu lagi bentuk intimidasi oleh SPRM kerana Mohamad Ali Mohamad bertindak keluar UMNO dan menganggotai PPBM? Mohamad Ali Mohamad juga agresif menentang Ketua Menteri Melaka, Ab Rauf Yusoh dan baru-baru ini tular

rakaman audio yang melibatkan pakatan untuk mengenakan Mohamad Ali Mohamad.

- Kedengaran juga beberapa kes ugutan semasa siasatan melibatkan bukan ahli politik dibuat oleh SPRM. Pada bulan Jun 2024, terdapat beberapa Pegawai Kanan FELCRA ditangkap SPRM melibatkan pembangunan Projek Menara Semarak 20. Untuk sensasi media, SPRM sebagaimana kebiasaan akan umum projek bilionan ringgit sedang disiasat SPRM. Ada ahli Lembaga Pengarah FELCRA diugut semasa siasatan. Selepas setahun, belum kedengaran apa-apa pertuduhan dikenakan ke atas mereka yang ditangkap.

Projek Menara Semarak 20 telah beberapa kali mendapat EOT. Pemaju yang mendapat projek pula adalah syarikat yang ada kaitan dengan UMNO dan tidak pernah ada kemampuan melaksanakan projek pembangunan sebesar Projek Menara Semarak 20. Hakikatnya, mereka yang ditangkap dan diugut itulah yang menentang usaha Lembaga Pengarah FELCRA, dipengerusikan oleh Ahmad Jazlan Yaakub, Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Kelantan untuk meluluskan pembayaran lebih 100 juta ringgit atas VO yang tidak pernah dipersetujui oleh pengurusan atasan FELCRA.

Bab-bab mengugut ini boleh serahkan kepada orang kuat Azam Baki, Shukri Said. Shukri Said pasti masih ingat ugutan sama yang dibuat ke atas pegawai PHB dalam kes pembangunan Mayang Mall di Terengganu. Peguam Siti Kassim pun ada mendakwa baru-baru ini bahawa Pamela Ling juga diugut SPRM supaya bercerai dengan suaminya sebelum kehilangan beliau.

Hairan juga kenapa ADUN-ADUN Sabah tidak direman dan dipakaikan baju oren kerana ada pengakuan dalam video bahawa mereka terima duit. Paling kurang pun, Azam Baki buatlah kenyataan bahawa mereka telah ditangkap dan dibebaskan sebaik sahaja rakaman percakapan dibuat; sama macam kes Mohd Shukri Ramli. Adakah disebabkan ADUN-ADUN tersebut daripada parti komponen yang menyokong Anwar Ibrahim? Mereka tidak ditangkap, direman dan diperagakan kepada umum dengan berbaju oren. Bukankah Azam Baki memang suka buat kenyataan media? Tak ditanya pun dia akan hebahkan kalau libatkan orang-orang tertentu. Jelas layanan berbeza atau *selective enforcement treatment* dalam kedua-dua kes.

Atau adakah SPRM pula yang diugut kali ini oleh GRS? Kalau kami ditangkap dan dipakai baju oren, kami akan tarik sokongan terhadap kerajaan Anwar Ibrahim. Kita tunggu kesudahan kes ADUN-ADUN Sabah ini. Khabarnya Kertas Siasatan baru-baru ini telah dirujuk ke AGC. Azam Baki juga ada umum seorang dua akan didakwa. Hebat betul Azam Baki, baru sangat hantar ke AGC, Azam Baki dah tahu seorang dua akan dituduh. Cepat sungguh pihak AGC “berpuas hati” dengan hasil siasatan SPRM. Harap bukan pemberi maklumat (pengadu) yang dituduh akhirnya kerana dia yang memberikan rasuah.

Satu ketika dahulu pada bulan Oktober 2017, semasa Azam Baki jadi TKP Operasi SPRM, boleh pula Shafee Afdal ditangkap, dipakaikan baju oren dan direman 4 hari. Orang lain bila dipakaikan baju oren akan tutup muka. Tapi Shafee Afdal tak tutup muka, boleh senyum dan lambai pada orang ramai. Shafee Afdal ditangkap kerana didakwa menyelewengkan peruntukan pembangunan luar bandar di Negeri Sabah

khususnya infrastruktur air semasa menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Shafee Afdal sepatutnya selewengkan juga peruntukan luar bandar negeri-negeri lain dan bukan hanya Negeri Sabah, barulah banyak masuk dalam kantung poket.

Shafee Afdal tidak dituduh di mahkamah dan siasatan kes diputuskan NFA. Yang dituduh adalah Pengarah Jabatan Bekalan Air Sabah dan isteri melalui *Ops Water*. Kes masih bicara sampai sekarang dan belum ada keputusan. Shafee Afdal ditangkap mungkin sebab dia digantung daripada UMNO disebabkan membuat kenyataan keras ke atas Najib Razak berkaitan kes 1MDB. Shafee Afdal digantung manakala Muhyiddin Yassin pula dipecat. Mungkin juga Shafee Afdal ditangkap kerana Warisan yang dipimpinnya mula mendapat sokongan kuat rakyat Sabah untuk PRU/PRN yang dijangka pada tahun 2018.

11. Azam Baki juga berani taichi dan meletakkan kesalahan kepada pihak lain bagi menutupi kelemahan dirinya. Umpamanya pada 8 September 2021, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah SPRM mendapat penjelasan daripada Azam Baki berhubung penarikan balik kes ke atas Noor Ehsanuddin, mantan Ahli Parlimen (BN-Kota Tinggi). Seusai mesyuarat, Pengerusi Lembaga, Abu Zahar telah mengeluarkan kenyataan "...Lembaga berpandangan terdapat elemen-elemen kekurangan dalam siasatan serta keputusan pendakwaan pada awal Februari 2019 oleh Peguam Negara serta pengurusan dan pentadbiran SPRM ketika itu (Azam Baki adalah TKP Operasi SPRM) dibuat tanpa pertimbangan yang menyeluruh. Menurutny lagi oleh kerana sesuatu kes diambil tindakan ketika itu tidak telus serta tidak profesional dan lebih menjurus kepada kepentingan politik telah menyebabkan pengurusan SPRM yang ada sekarang (Azam Baki adalah KP SPRM) terpaksa menanggung implikasinya".

Bijak sungguh Azam Baki taichi kepada Shukri Abdull. Siasatan sememangnya dimulakan pada awal tahun 2016 semasa Shukri Abdull menjadi TKP Operasi SPRM. Shukri Abdull bersara pada Julai 2016. Kes disiapkan dan diedarkan ke AGC pada hujung Disember 2016 ketika Dzulkifli Ahmad menjadi KP SPRM dan Azam Baki pula adalah TKP Operasi SPRM. Kes siasatan hanya timbul balik pada bulan Februari 2019 dan Pegawai Penyiasat diarahkan AGC untuk membuat sitaan seterusnya SPRM perlu segera melakukan pendakwaan di tiga negeri berlainan.

Kenyataan Abu Zahar seolah-olah meletakkan kesalahan kepada Shukri Abdull apabila AGC menerima representasi Noor Ehsanuddin kerana Shukri Abdull adalah KP SPRM dan Azam Baki pula adalah TKP Operasi SPRM semasa Noor Ehsanuddin dituduh. Kenapa Shukri Abdull pula dipersalahkan kerana yang membuat keputusan untuk menuduh Noor Ehsanuddin adalah AGC. Siapakah yang menjadi Peguam Negara pada ketika itu? Tommy Thomas.

Mengapa Azam Baki tidak taichi juga kepada Latheefa Koya dalam kes melibatkan Shahrir Samad yang didakwa pada bulan Januari 2020, hampir 2 bulan sebelum Azam Baki menjadi KP SPRM pada 9 Mac 2020. Shahrir Samad dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan pada bulan Januari 2023 atas keterangan jujur Pegawai Penyiasat SPRM, Nurzahidah Yacop yang mengatakan beliau tidak setuju pendakwaan dibuat pada ketika itu kerana siasatan kes masih belum lengkap, namun AGC yang mengarahkan pendakwaan diteruskan. Siapakah yang masih menjadi Peguam Negara semasa pertuduhan dibuat? Keterangan jujur yang dibuat

di mahkamah telah menyebabkan Pegawai Penyiasat tersebut ditukar oleh Azam Baki. Shahrir Samad kemudiannya telah mengemukakan saman ke atas Tommy Thomas.

Mungkin KP SPRM yang baharu kelak boleh taichi balik kepada Azam Baki sebagaimana yang dibuat kepada Shukri Abdull sekiranya banyak kes *political prosecution* ditarik balik oleh Peguam Negara “orang kita” apabila kerajaan bertukar kelak.

12. Pada bulan Disember 2021, timbul isu pemilikan saham oleh Azam Baki di Gets Global Berhad (sebelum ini KBES Berhad) yang diperolehi pada tahun 2015 semasa Azam Baki menjadi Pengarah Siasatan SPRM. Pada peringkat awal isu ini didedahkan oleh ES, momentumnya agak kurang. Isu ini mula memanaskan hujung bulan Disember 2021 apabila Edmund Terence Gomez meletak jawatan sebagai ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah SPRM.

Edmund Terence Gomez letak jawatan sebab kecewa usaha dia untuk membincangkan perkara tersebut di dalam Mesyuarat Panel tidak mendapat respons daripada Pengerusi Panel, Borhan Dollah dan Pengerusi Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah SPRM, Abu Zahar. Abu Zahar kata tak terima e-mel sebab e-mel SPRM ada masalah teknikal. Sungguh menghairankan, bangunan SPRM di Putrajaya adalah bangunan ikonik dan *state of the art*. Pernah dapat anugerah. Kos pembangunan hampir RM500 juta dan dianggap bangunan agensi pencegahan rasuah terbesar di dunia. *First world building* tapi mempunyai *third world e-mail facilities*.

Isu memuncak apabila pada awal Januari 2022, Abu Zahar mengadakan sidang media bersama-sama Azam Baki berhubung isu pemilikan saham berkenaan. Sidang media yang bertujuan menjelaskan keadaan menimbulkan lebih banyak keraguan. Azam Baki mendedahkan bahawa saham itu sebenarnya adalah milik adiknya, Nasir Baki. Nasir Baki telah menggunakan akaun saham Azam Baki untuk membuat urus niaga melalui pasaran terbuka. Azam Baki juga kata isu saham yang dikaitkan dengan beliau adalah satu agenda dan serangan direka untuk melemahkan SPRM. Berani betul Azam Baki kata macam itu.

Isu pemilikan saham itu adalah isu integriti dan peribadi Azam Baki. Ia bukan isu organisasi yang memerlukan Pengerusi Lembaga terlibat sama. Azam Baki patut malu dengan Allahyarham Zulkifli Mat Noor yang menghadapi isu peribadinya berseorangan tanpa mengaitkan dengan BPR. ES baru-baru ini ada dedahkan Syarikat Integriti Padu milik Nasir Baki dapat Projek ICT Kementerian Pendidikan di Sabah bernilai RM44 juta, walaupun Syarikat Integriti Padu tidak ada pejabat di Sabah.

Azam Baki mungkin berani kata macam itu sebab 3 Timbalan Azam Baki, Ahmad Khusairi Yahaya, Norazlan Mohd. Ghazali dan Junipah Wandu mengeluarkan kenyataan media bersama untuk sokong Azam Baki. Mereka juga sanggup kata serangan ke atas Azam Baki itu bermotifkan dendam. Menurut kenyataan media itu “..Kami mewakili seluruh warga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menyatakan pendirian kami menyokong kepimpinan Ketua Pesuruhjaya SPRM Azam Baki..” Siapa yang bagi mereka hak untuk mewakili seluruh warga SPRM? Dah tanya setiap warga SPRM atau belum sebelum mengeluarkan kenyataan?

Norazlan Mohd Ghazali mungkin telah dapat bahagian atas sokongan kesetiaan yang diberikan (akan diceritakan di bawah nanti). Ahmad Khusairi Yahaya yang akan bersara pada bulan Januari 2027 akan terus kekal sebagai TKP Operasi paling lama dalam sejarah BPR/SPRM walaupun dah lama layak untuk ganti Azam Baki. Manakala Junipah Wandu boleh terus selesa sebagai TKP Pengurusan dan Profesionalisme. Walaupun dah layak ganti Ahmad Khusairi Yahaya sebagai TKP Operasi SPRM pada tahun 2007 berdasarkan kekakanan, jawatan itu Azam Baki telah “*reserve*”kan untuk pegawai lain. Mudah-mudahan Junipah Wandu dapat KUP Turus III sebelum bersara pada bulan Oktober 2029.

Azam Baki memperoleh Sarjana Muda Jurisprudens dari Universiti Malaya. Maknanya Azam Baki ada belajar undang-undang. Azam Baki pun pernah jadi PO semasa bertugas di Kelantan. Dia kawan rapat dengan Apandi Ali semasa di Kelantan. Apandi Ali adalah Peguam Negara yang buat keputusan Kertas Siasatan Najib Razak di NFA. Apandi Ali juga adalah Peguam Negara yang ditamatkan perkhidmatan bila Tun M jadi Perdana Menteri. Apandi Ali juga mengetuai Pasukan Petugas Khas berhubung dengan Pulau Batu Puteh. Pasukan inilah yang cadang wujudkan RCI Batu Puteh ke atas Tun M. Tapi niat tidak baik kerajaan Anwar Ibrahim untuk kenakan Tun M, kandas awal di Dewan Rakyat.

Punyalah baik Azam Baki dengan Apandi Ali sampai boleh minta bantuan Apandi Ali supaya jangan tuduh beberapa orang pegawai SPRM yang disyorkan oleh pihak polis di bawah Kanun Keseksan untuk satu kes sensasi. Polis bengang masa itu. Kerajaan dah bertukar beberapa kali. Kerajaan Anwar Ibrahim pun dah lantik Peguam Negara “orang kita”. Polis diminta siasat balik atas arahan mahkamah. AGC masih putuskan NFA. Mungkin polis akan terus bengang kerana buat kerja sia-sia yang keputusannya tetap sama. Keluarga mendiang pun dah putus asa dan tak mahu meneruskan *judicial review* ke atas keputusan AGC. Kes apakah agaknya?

Bukan setakat polis bengang, Timbalan Pendakwa Raya di SPRM pun pernah bengang bila Azam Baki minta seorang pegawai kanan SPRM dikenakan tatatertib sahaja walaupun Timbalan Pendakwa Raya arah Pegawai Penyiasat rakam percakapan pegawai kanan SPRM terbabit di bawah seksyen 53 Akta SPRM 2009 kerana ada keterangan kukuh terima duit lebih RM20,000.00 daripada pegawai kanan Polis. Bukan sahaja pegawai kanan SPRM itu tidak ditangkap, Azam Baki minta bantuan sahabat baiknya di AGC dan hanya hukuman tatatertib sahaja dikenakan. Lepas tamat tempoh hukuman, pegawai SPRM itu dinaikkan pangkat dan sekarang jadi Ketua Unit Integriti di kementerian Anwar Ibrahim. Pegawai kanan SPRM dinaikkan pangkat, manakala pegawai kanan Polis itu pula disabitkan kesalahan di mahkamah.

Berbalik pada isu saham, Azam Baki ada kata sesiapa sahaja boleh menggunakan akaun orang lain untuk membeli saham di pasaran terbuka dan ia tidak menjadi satu kesalahan untuk berbuat demikian. Namun, Pengawal selia pasaran modal tempatan keluaran kenyataan bahawa di bawah Seksyen 25 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (SICDA), semua akaun sekuriti yang dibuka dengan depositori pusat mesti menggunakan nama pemilik manfaat sekuriti deposit atau penama yang dibenarkan. Selain itu, Seksyen 29A SICDA menetapkan bahawa semua urusan niaga sekuriti hanya boleh dilakukan oleh pemilik manfaat sekuriti atau penama yang dibenarkan. Suruhanjaya Sekuriti ada jalankan siasatan, Polis juga

ada jalankan siasatan. Mungkin siasatan telah diNFA sebab Azam Baki tidak pernah dituduh oleh SC atau polis, walaupun SC pernah tuduh individu yang terlibat kes yang hampir sama sebelum ini.

Wan Junaidi bagi tahu nilai saham Azam Baki kecil. Wan Junaidi juga kata mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, kakitangan kerajaan hanya dilarang berdagang dalam pasaran niaga hadapan di dalam dan luar negara, sementara mereka yang memiliki saham dalam syarikat senaraian awam dikehendaki mengisytiharkannya sebagai aset. Tapi Wan Junaidi tidak pula beritahu Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002 tetapkan pembelian saham oleh pegawai awam perlu dapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Setiausaha Kementerian sebelum boleh diteruskan pembelian. Sebelum dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan perlu pertimbangkan permohonan sebelum memberi sokongan.

Adakah Azam Baki, sebelum hendak beli saham, ada hantar permohonan kepada Abu Kassim untuk pertimbangan dan sokongan? Jika disokong, adakah Abu Kassim edarkan pula ke JPM untuk dapatkan kebenaran bertulis? Adakah JPM berikan kebenaran bertulis bagi benarkan Azam Baki beli saham tersebut? Selepas dapat kebenaran bertulis dan saham dibeli, adakah Azam Baki telah isytiharkan pula dalam HRMIS?

Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Kewangan dan Ekonomi (PSSC) pada bulan Januari 2021 pernah bercadang panggil Suruhanjaya Sekuriti. Banyak kenyataan dikeluarkan oleh Wong Chen, Ahli Parlimen (PH-Subang) yang merupakan Timbalan Pengerusi PSSC. Pengerusi PSSC pula, Hassan Ariffin, Ahli Parlimen (BN-Rompin) tidak pernah keluar apa-apa kenyataan. UMNO dan PN masa itu telah bersama bentuk kerajaan dan Azam Baki dilantik oleh mereka. PSSC nak jumpa Suruhanjaya Sekuriti kerana tidak berpuas hati dengan kenyataan Suruhanjaya Sekuriti bahawa "...bukti bebas yang mereka kumpulkan yang kemudian membimbing mereka kepada kesimpulan bahawa Azam Baki tidak melakukan kesalahan". Isu kemudiannya senyap macam itu sahaja. Hangat-hangat tahi ayam. Harap PKR Cabang Subang juga tidak hangat-hangat tahi ayam minta Wong Chen berundur sebagai Ketua Cabang Subang.

Azam Baki pernah diminta hadir ke Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Agensi bawah Jabatan Perdana Menteri juga pada bulan Januari 2021 berkaitan isu yang sama. Tapi Azam Baki tunjukkan keberanian dan keengganan untuk tidak hadir dan membangkitkan tiga alasan iaitu Azam Baki ada saman sivil terhadap seorang pemberi maklumat mengenai isu itu, tiada rang undang-undang persendirian dibentangkan untuk Azam Baki dipanggil ke Parlimen dan agensi lain sedang menyiasat perkara itu. Bijak betul jawapan KP SPRM yang ada latar belakang Jurisprudens.

Sedikit *flashback*, pada bulan Julai 2019, KP SPRM yang dilantik oleh Tun M menggantikan Shukri Abdull, Latheefa Koya telah hadir Mesyuarat Jawatankuasa Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam yang mempersoalkan kredibiliti pelantikan Latheefa Koya. Mungkin Latheefa Koya hadir sebab hormat Parlimen. Mungkin juga Latheefa Koya hadir sebab tidak seberani Azam Baki, walaupun Latheefa Koya belajar undang-undang dan juga pengamal undang-undang. Bahkan Tun M juga tidak seberani Azam Baki. Anwar Ibrahim pada bulan

Jun 2019 pernah bagi tahu bahawa Tun M juga bersedia untuk hadir Mesyuarat Jawatankuasa Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam bagi beri penjelasan kenapa Tun M lantik Latheefa Koya.

Isu pemilikan saham oleh Azam Baki tidak terhenti setakat itu sahaja. Adam Adli, Ketua AMK telah gerakkan demonstrasi “Tangkap Azam Baki” di Kuala Lumpur. Semasa kempen PRU ke-15, Rafizi Ramli, Timbalan Presiden PKR telah keluaran kenyataan bahawa kami akan cari Azam Baki kalau menang PRU ke-15. Selepas jadi kerajaan, bukan sahaja tidak cari dan tangkap Azam Baki, sebaliknya sambung kontrak Azam Baki sebagai KP SPRM. Bukan sekali, bahkan dah 3 kali. Sebaiknya, untuk elak sebarang isu penyambungan, elok Anwar Ibrahim sambung kontrak Azam Baki hingga habis penggal Parlimen ke-15 pada tahun 2027.

13. Azam Baki pasti tahu siapa yang dedahkan atau bekalkan dokumen siasatan SPRM kepada Raja Petra Kamaruddin dan tersiar di portal Malaysia Today pada tahun 2022. Dokumen siasatan adalah berkaitan dengan dakwaan percanggahan kepentingan yang tidak diisytiharkan oleh Hakim Mohd Nazlan semasa beliau mengendalikan perbicaraan kes pendakwaan terhadap Najib Razak (kes SRC International) di Mahkamah Tinggi. Berani sungguh pegawai yang membekalkan dokumen terperingkat tersebut kepada Raja Petra Kamaruddin.

Pegawai biasa SPRM tidak akan punya akses kepada dokumen terperingkat yang diklasifikasi sebagai HPPI. Apa motif dan tujuan dokumen itu didedahkan? Pendedahan dokumen itu memberikan sedikit nyawa kepada pasukan peguam Najib Razak bagi mendapatkan pembatalan sabitan oleh Mahkamah Tinggi di peringkat Mahkamah Rayuan.

Kenapa Azam Baki tidak ada membuat sebarang laporan polis di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972? Ia melibatkan kebocoran fail terperingkat dokumen siasatan SPRM. Berbeza pula bila pegawai SPRM, Lim Bee Kian buat laporan polis di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 pada bulan Mei 2012. Laporan polis dibuat apabila portal Malaysia Today yang sama mengeluarkan artikel bertajuk *MACC “Deep Throat” comes out the closet* yang turut mendedahkan fail siasatan SPRM tahun 1995 berkaitan kekayaan luar biasa Azmin Ali, Setiausaha Sulit Kanan Anwar Ibrahim.

Ada atau tidak Azam Baki mengarahkan siasatan dalaman atau memaklumkan kepada CGSO kebocoran fail terperingkat tersebut? Adakah Azam Baki sendiri yang dedahkan dokumen tersebut atau pegawai lain yang dedahkan atas restu daripada Azam Baki? Bukankan Azam Baki pernah jumpa dengan Raja Petra Kamaruddin di London satu ketika dahulu?

Adakah Azam Baki sendiri telah terlupa bagaimana draf pertuduhan kes Najib Razak didedahkan; mungkin oleh orang yang sama sehingga menyebabkan tindak balas daripada pihak Najib Razak. 3 orang Pengurusan Tertinggi SPRM tercampak keluar daripada SPRM di mana Dzulkifli Ahmad menggantikan Abu Kassim sebagai KP SPRM; Shukri Abdull ambil kursus Bahasa Arab selama 2 bulan sebelum bersara dan Mustafar Ali dilantik jadi KP JIM. Azam Baki sendiri melompat daripada jawatan Pengarah Siasatan (hiraki no. 5) menjadi TKP Operasi (hiraki no. 2) menggantikan Shukri Abdull.

Hasil daripada siasatan ke atas Hakim Mohd Nazlan itu, Azam Baki berani menghantar Laporan SPRM kepada Ketua Hakim Negara mencadangkan agar Hakim Mohd Nazlan dikenakan tindakan tatatertib. Azam Baki mungkin lupa entiti kehakiman adalah cabang berbeza dengan agensi-agensi Kerajaan yang berada di bawah Eksekutif. Adakah Azam Baki boleh menghantar Laporan SPRM supaya Speaker Dewan Rakyat/Dewan Negara/DUN mengambil tindakan tatatertib kepada Ahli Dewan atau ADUN? Tindakan Azam Baki yang berani mencampuri urusan dalaman cabang Kehakiman itu kemudiannya mengundang teguran keras daripada Mahkamah Persekutuan.

14. Pada bulan Januari 2023, Azam Baki terlepas peluang untuk membuktikan keberanian luar biasanya apabila tidak menjalankan siasatan ke atas Anwar Ibrahim (PMX). Anwar Ibrahim telah melantik anaknya, Nurul Izzah sebagai Penasihat Kanan Ekonomi kepada Perdana Menteri berkuat kuasa 3 Januari 2023. Anwar Ibrahim dan Nurul Izzah mengesahkan pelantikan itu dalam beberapa petikan media. Kementerian Kewangan juga pernah mengeluarkan kenyataan media bahawa perjanjian sah yang telah ditandatangani oleh Nurul Izzah adalah untuk memberikan khidmat nasihat kepada Agensi Pelaksanaan Ekonomi & Koordinasi Strategik Nasional, Kementerian Kewangan secara 'pro bono' atau tanpa mengambil imbuhan kewangan mahupun sebarang faedah. Walaupun tidak dibayar gaji, Nurul Izzah tetap akan ada akses kepada dokumen Kementerian Kewangan termasuk fail-fail rahsia. Ini sama keadaannya dengan Tony Phua semasa Lim Guan Eng jadi Menteri Kewangan.

Bukan hendak memperkecilkan kemampuan Nurul Izzah. Bagaimana seorang graduan bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari Universiti Tenaga Nasional dan sarjana dalam bidang hubungan antarabangsa daripada Universiti John Hopkins, Amerika Syarikat mampu untuk merungkai isu-isu ekonomi? Pernah Jemaah Menteri Tun M bentuk Jawatankuasa Pemerikasaan TVET Nasional pada bulan November 2018 dan setuju lantik Nurul Izzah menjadi Pengerusi. Walaupun Wan Azizah ada dalam Jemaah Menteri, tapi Tun M yang mempengerusikan mesyuarat. Wan Azizah tidak perlu isytiharkan kepentingan sebab semua ahli Jemaah Menteri tahu Nurul Izzah adalah anak sulung Wan Azizah dengan Anwar Ibrahim. Anwar Ibrahim hanya Ahli Parlimen (PH-Port Dickson) sahaja ketika itu.

Namun, Nurul Izzah letak jawatan pada bulan Disember 2018. Bidang TVET yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan Nurul Izzah pun dia tidak mampu untuk laksanakan, bagaimana Nurul Izzah boleh menangani isu-isu ekonomi. Mungkin telah ada dalam DNA Nurul Izzah pengetahuan mendalam tentang ekonomi. Atau Nurul Izzah mendapat tutor peribadi daripada Menteri Kewangan Terbaik Asia satu ketika dahulu.

Anwar Ibrahim pernah mempertahankan pelantikan Nurul Izzah dengan mengatakan "...saya memerlukan kepakaran beliau untuk membantu saya, tetapi biarpun begitu, biar saya tegaskan bahawa beliau berada di sana untuk melindungi dan meneruskan agenda tadbir urus (baik) dan tidak rasuah". Ini adalah kenyataan songsang Anwar Ibrahim. Melantik anak sendiri bukannya satu kesalahan di bawah seksyen 23 Akta SPRM 2009 (sama dengan seksyen 15 APR 1997 yang dibentangkan oleh Anwar Ibrahim di Parlimen semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri)? Kontroversi itu menyebabkan Nurul Izzah melepaskan jawatan tersebut pada bulan Februari 2023. Kalau tidak salah, kenapa lepaskan jawatan?

Nurul Izzah kemudiannya “dijemput” untuk menyertai Sekretariat Jawatankuasa Penasihat Menteri Kewangan yang dipengerusikan Hassan Marican. “Dijemput” atau Hassan Marican “diarah menjemput” Nurul Izzah. Berbeza dengan pelantikan yang tidak dibayar sebarang imbuhan, jemputan oleh Hassan Marican datang dengan faedah kewangan. Chegu Bad mendakwa Nurul Izzah dibayar hampir puluhan ribu sebulan untuk pekerjaan 3 hari seminggu. Tak masuk pejabat pun tidak mengapa, mana-mana tempat boleh dianggap sebagai pejabat.

Azam Baki pasti tahu intipati kesalahan yang perlu dibuktikan di bawah seksyen 23 Akta SPRM 2009. Sejak berkhidmat dalam BPR/SPRM Azam Baki pernah berkhidmat sebagai PO dan hampir keseluruhan perkhidmatannya adalah dalam sektor operasi. Tambahan pula, Azam Baki adalah graduan Jurisprudens. Kadet-kadet SPRM yang baru tamat dan dianugerahkan MACC Law Enforcement Accredited Programme di Bangi Avenue Convention Centre pada 12 Jun 2025 pun pasti tahu intipati kesalahan seksyen 23 Akta SPRM 2009 yang perlu mereka buktikan.

Intipati kesalahan tidak pernah menyebut tentang faedah kewangan yang perlu dibuktikan sebagai asas kesalahan. Seksyen 23 Akta 2009 menyebut “...menggunakan jawatan atau kedudukannya (kedudukan sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan) untuk apa-apa suapan (termasuklah jawatan – rujuk tafsiran suapan (b)) sama ada bagi dirinya, saudaranya (termasuklah anak) atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan (melantik), atau mengambil apa-apa tindakan (menandatangani surat pelantikan)...”. Tafsiran “saudara” itu jelas dalam Akta SPRM 2009 dan tidak perlu ditafsirkan oleh mahkamah sebagaimana tafsiran “sekutu” dalam kes Muhyiddin Yassin.

Hassan Marican, sila simpan catatan berhubung “jemputan” kepada Nurul Izzah. Sekiranya kerajaan PH tumbang, catatan itu boleh digunakan sebagai bukti. Untung Malaysia tidak ada *statute of limitation in criminal matters*. Cuma, janganlah Hassan Marican melenting bila SPRM datang jumpa Hassan Marican seperti kejadian bulan September 2023 (yang akan diceritakan nanti). Kasihan pegawai SPRM di Petronas, dikambinghitamkan hanya cuba bantu pegawai-pegawai Mohamad Zamri.

Mengapa berbeza layanan Azam Baki kepada Anwar Ibrahim pada kali ini? Adakah kerana Anwar Ibrahim adalah *sitting Prime Minister*? Mungkin menjadi penting bagi Azam Baki pada kali ini yang akan bersara pada bulan Mei 2023 berbanding pertemuan bulan Mac 2021 ketika Anwar Ibrahim hanya sebagai Ketua Pembangkang.

15. Pada bulan Mac 2023, SPRM telah mendakwa mantan Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin atas beberapa kesalahan rasuah dan pengubahan wang haram. Sejumlah dana telah diterima oleh PPBM daripada Bukhary Equity Sdn Bhd. Pertuduhan dibuat sebaik sahaja PPBM meminda Perlembagaan bagi mengambil tindakan ke atas ahli yang melompat. Sebelum pertuduhan dibuat, Azam Baki telah berulang kali memainkan naratif bahawa adalah menjadi satu kesalahan sekiranya parti yang memerintah menerima dana daripada pihak luar. Sejak zaman Harun Hashim jadi KP BPR pada tahun 1967 hingga Latheefa Koya berundur pada bulan Februari 2020, mereka tak pernah kata masuk akaun parti jadi satu kesalahan. Malaysia masih belum wujudkan Akta Pendanaan Politik. Hanya jadi kesalahan jika masuk akaun peribadi.

Ketiadaan Akta Pendanaan Politik perlu dimanfaatkan semaksimum mungkin oleh parti-parti politik di Malaysia. Gunakan wang untuk mendapatkan kuasa dan kemudiannya gunakan kuasa itu pula untuk mendapatkan wang. Jangan dicemburui dengan PAS yang menggunakan tin Milo untuk dapatkan sumbangan. Tak perlulah dituduh tanpa bukti PAS guna dana judi. Kutipan itu berkali-kali lebih mulia berbanding mendapatkan sumbangan daripada tauke-tauke mahakaya yang mudah berubah hati mengikut warna politik pemerintah. Budaya parti BN kini meresap pantas kepada parti komponen Anwar Ibrahim. Bukan sahaja murid boleh belajar daripada cikgu, parti komponen cikgu juga boleh belajar beberapa perkara baru daripada parti anak murid.

Adakah Azam Baki lupa sabitan kes ke atas Exco Perak, Azman Mahalan yang menerima sumbangan ke akaun peribadinya? Begitu juga DS Najib Razak dalam kes SRC International? Atau Azam Baki lupa dana yang diterima oleh Tengku Adnan Tengku Mansor yang pada peringkat awalnya masuk ke akaun Tadmansori Holdings (milik Tengku Adnan Tengku Mansor), tiba-tiba pula boleh keluar resit daripada UMNO (Tengku Adnan Tengku Mansor, Setiausaha Agung UMNO) bahawa dana itu telah masuk dalam akaun UMNO. Mahkamah Rayuan pada bulan Julai 2021 telah membenarkan rayuan Tengku Adnan Tengku Mansor dan melepas dan membebaskan Tengku Adnan Tengku Mansor daripada sabitan Mahkamah Tinggi kerana dana yang diterima adalah dana politik. Bukankah ketika penerimaan dana pada tahun 2016, UMNO adalah parti pemerintah ketika itu?

Azam Baki mungkin juga lupa agaknya kes pendakwaan melibatkan Musa Aman. Bukankah kes pendakwaan Musa Aman ditarik balik pada bulan Jun 2020 ketika Azam Baki jadi KP SPRM kerana dianggap sebagai sumbangan politik. Adakah masih salah Shukri Abdull kerana Musa Aman dituduh ketika Shukri Abdull menjadi KP SPRM?

Adakah sumbangan daripada Bukhary Equity Sdn Bhd itu masuk akaun peribadi Muhyiddin Yassin seperti kes Azman Mahalan dan kes Najib Razak. Atau masuk akaun PPBM sebagaimana kes UMNO. Setakat yang diketahui, sumbangan itu masuk akaun PPBM dan ada resit dikeluarkan. Namun, buat pertama kalinya Azam Baki berani *explore* tafsiran “sekutu” dalam Akta SPRM 2009 sehingga Mahkamah Rayuan bersetuju tafsiran “sekutu” turut merangkumi parti politik. Buat pertama kalinya dana politik yang masuk ke akaun parti pemerintah telah dianggap sebagai satu kesalahan. Adakah pendakwaan ke atas Muhyiddin Yassin ini merupakan satu alasan keberanian luar biasa Azam Baki yang menyebabkan Anwar Ibrahim teruja menyambung perkhidmatan Azam Baki selepas beliau bersara wajib pada bulan Mei 2023? Mungkin kata-kata Zaid Ibrahim ada kebenarannya.

Mungkin Azam Baki boleh menjelaskan kenapa tidak ada tangkapan dibuat setakat ini ke atas ADUN-ADUN pemerintah di Sabah yang didedahkan telah menerima suapan (masuk akaun sendiri) melalui video yang telah tular sebelum ini. Atau bersediakah Azam Baki mengumumkan bahawa SPRM sedang menjalankan siasatan ke atas Anwar Ibrahim yang mana terdedah satu video ahli PKR Wangsa Maju mengakui menerima sejumlah dana daripada Anwar Ibrahim hasil sumbangan dari seorang taikun yang banyak mendapat projek kebelakangan ini daripada kerajaan Anwar Ibrahim? Bukankah Anwar Ibrahim adalah ketua parti pemerintah ketika ini, sama seperti Muhyiddin Yassin? Mengapa Azam Baki tidak agresif bertindak dan membuat kenyataan media? Kalau Azam Baki berani bertindak dalam kes ADUN-

ADUN Sabah dan Anwar Ibrahim dalam kes PKR Wangsa Maju, mungkin Azam Baki tidak akan dapat sambungan kontrak kali ke-3. SPRM pula boleh bersedia untuk menerima KP SPRM yang ke-7.

Azam Baki sendiri mungkin tahu agak sukar untuk mendapatkan sabitan dalam kes Muhyiddin Yassin ini. Namun, semakin lama kes ini berjalan dan semakin banyak publisiti perbicaraan, ia baik untuk hayat politik parti pemerintah. Perbicaraan di Mahkamah Tinggi akan mengambil masa yang panjang. Ini tidak termasuk rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Ini belum ambil kira permohonan penangguhan bagi merujuk isu-isu perundangan ke mahkamah yang lebih atas. Lagipun, ketika keputusan mahkamah dibuat, Azam Baki mungkin bukan lagi KP SPRM. Biarlah KP SPRM yang baharu tanggung kesan akibat keputusan KP SPRM sebelumnya.

Berbanding Najib Razak yang lebih menghormati proses keadilan di mahkamah, Anwar Ibrahim dan Lim Guan Eng adalah pakar dalam menunda-nunda perbicaraan. Lihat sahaja kes terbaru melibatkan saman sivil Yusoff Rawther terhadap Anwar Ibrahim. Anwar Ibrahim memohon beberapa persoalan undang-undang diputuskan terlebih dahulu oleh Mahkamah Persekutuan khususnya melibatkan imuniti bersyarat untuk Perdana Menteri. Bagi *political prosecution* sebegini mungkin PN perlu menang dahulu PRU ke-16 dan kemudiannya gerakkan usaha untuk menempatkan “orang kita” menjadi Peguam Negara. Mudah-mudahan boleh dapat DNAA macam Zahid Hamidi. Lebih baik lagi kalau dapat DNA macam kes pembelian lot tanah dan banglo Lim Guan Eng. Kalau dapat Peguam Negara “orang kita” kes sabitan dan hukuman penjara 18 bulan Rafizi Ramli atas kesalahan di bawah OSA 1972 pun boleh tukar kepada bon berkelakuan baik.

Pertuduhan terhadap Muhyiddin Yassin kerana melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 (kesalahan predikat) dan tafsiran Mahkamah Rayuan bahawa PPBM adalah sekutu mengikut Akta SPRM 2009 sepatutnya telah mewajarkan Azam Baki untuk mengeluarkan notis di bawah subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009 agar Muhyiddin Yassin dan PPBM mengisytiharkan harta masing-masing. Tambahan pula, hasil kesalahan predikat yang dilakukan oleh Wan Saiful Wan Jan dalam Ops Jana Wibawa, sebahagiannya dimasukkan ke akaun PPBM. Setakat ini dah keluar notis atau belum? Elok juga kalau Azam Baki ingatkan Anwar Ibrahim dan parti-parti komponennya supaya elakkan dari menerima dana luar daripada pihak yang mereka ada urusan memandangkan gabungan mereka adalah parti pemerintah pada ketika ini. *Stare decisis* dalam kes Muhyiddin Yassin itu boleh digunakan ke atas parti pemerintah Anwar Ibrahim kelak.

16. Bulan Julai 2023, Azam Baki buat kenyataan media bahawa SPRM akan memanggil Sanusi Mohd Nor, Menteri Besar Kedah. Azam Baki kata kerana surat perlombongan REE ditandatangani sendiri oleh Sanusi Mohd Nor. Sanusi Mohd Nor bukan suspek pun, kalau suspek sekalipun, Azam Baki tidak perlu buat kenyataan berani tanpa provokasi dan tidak profesional sebegini. Adakah kenyataan tersebut mempunyai kaitan dengan PRN Negeri sedang hangat diperkatakan? Ini bukan kali pertama Azam Baki buat kenyataan berani, tidak profesional dan berbaur politik apabila melibatkan pihak bukan kerajaan. Baru-baru ini, Haniff Khatir ada buat teguran. Azam Baki buat kenyataan yang tepat berhubung status kes ADUN-ADUN Sabah. Tapi Azam Baki mendahului Pendakwa Raya dalam kes melibatkan Allahyarham Tun Daim dan Ismail Sabri.

17. Zahid Hamidi dapat DNAA pada bulan September 2023 atas 47 pertuduhan yang sedang dibicarakan. Pada mulanya, hakim bicara putuskan ada kes *prima facie* setelah selesai kes di peringkat pendakwaan. Bila tinggal Zahid Hamidi seorang sahaja untuk beri keterangan, tiba-tiba AGC maklumkan bahawa AGC terima representasi Zahid Hamidi. Hakim bicara tidak ada pilihan kerana itu kuasa mutlak Peguam Negara untuk teruskan atau tidak teruskan kes pertuduhan. Tapi hakim bicara bagi teguran sebab banyak masa mahkamah dan pembaziran wang rakyat telah berlaku.

Sehingga hari ini tidak diketahui adakah Peguam Negara, Idrus Harun yang akan tamat perkhidmatan atau bakal Peguam Negara, Ahmad Terrirudin yang keluaran arahan berhubung representasi Zahid Hamid pada masa itu? Idrus Harun dilantik oleh Muhyiddin Yassin pada bulan Mac 2020 bagi gantikan Tommy Thomas. Ahmad Terrirudin ganti Idrus Harun jadi Peguam Negara pada bulan September 2023. Bulan yang sama, kes Zahid Hamidi diputuskan DNAA. Yang mohon DNAA adalah Mohd Dusuki Mokhtar. Idrus Harun kemudian jadi Pengerusi Amanah Raya. Ahmad Terrirudin pula sekarang dah jadi Hakim Mahkamah Persekutuan. Mohd Dusuki Mokhtar pula ganti Ahmad Terrirudin jadi Peguam Negara dan dapat Tan Sri baru-baru ini. Yang menariknya ada sedikit *plot twist* sebelum kes Zahid Hamidi diputuskan DNAA. Ketua Pasukan Pendakwaan Raja Rozela Raja Toran bersara pilihan mulai Ogos 2023. Idrus Harun kata Raja Rozela Raja Toran dah mohon pada bulan April lagi.

Masa Tun M jadi Perdana Menteri, Zahid Hamidi dituduh dan kes perbicaraan berjalan lancar. Masa Muhyiddin Yassin jadi Perdana Menteri, kes Zahid masih tetap berjalan. Masa Ismail Sabri jadi Perdana Menteri, kes Zahid Hamidi juga nampak berjalan. Hanya masa Anwar jadi Perdana Menteri, kes Zahid Hamidi dapat DNAA.

Masa Tun M jadi Perdana Menteri, Zahid Hamidi hanya Presiden UMNO. Masa Muhyiddin Yassin jadi Perdana Menteri, Zahid Hamidi juga hanya Presiden UMNO. Masa Ismail Sabri jadi Perdana Menteri, Zahid Hamidi hanya pegang jawatan Presiden UMNO. Masa Anwar Ibrahim jadi Perdana Menteri, Zahid Hamidi bukan sahaja Presiden UMNO bahkan juga Timbalan Perdana Menteri 1.

Tun M dan Muhyiddin Yassin ada sebut Zahid Hamidi pernah minta mereka gugurkan pertuduhan. Tak tahulah masa Ismail Sabri jadi Perdana Menteri, Zahid juga pernah minta perkara yang sama. Yang pastinya Azalina, Penasihat Khas Undang-undang dan Hak Asasi Manusia kepada Perdana Menteri, Ismail Sabri, pernah sebut pada bulan Ogos 2022 di sesi Taklimat Khas Presiden UMNO, jawatan Peguam Negara mestilah “orang kita”. Azalina cakap ketika Ismail Sabri ada dalam Dewan PWTC dan ahli UMNO bertepuk tangan seolah-olah bersetuju. Cuma bila sebut nama Ismail Sabri, mereka “boo” pula sedangkan Ismail Sabri Perdana Menteri “orang kita” dari UMNO. Tapi Ismail Sabri masih tetap setiap walaupun dimalukan sebegitu.

Perhimpunan UMNO putuskan *No Anwar, No DAP*. Zahid Hamidi berani sumpah Wallahi, Wabillahi, Watallahi bahawa UMNO tidak akan bekerjasama dengan Anwar Ibrahim. Walaupun ramai tuduh PKR sebagai Parti Ketimbang Rakyat, Presiden UMNO ini lebih teruk lagi sebab sanggup guna nama Allah demi kelangsungan politiknya Shamsul Iskandar, Setiausaha Politik Kanan Anwar Ibrahim dan Asyraf

Wajdi, Setiausaha Agung UMNO pun ada dedahkan “cikgu” dan “anak murid” telah buat *deal* awal.

Mungkin Ahmad Terrirudin adalah “orang kita” yang dimaksudkan oleh Azalina. Walaupun dinafi, persepsinya memang begitu. Bukan lagi persepsinya sebegitu, jangkaannya memang tepat. Ahmad Terriruddin jadi Hakim Mahkamah Persekutuan pada bulan Oktober 2024 pada usia 56 tahun, belum sampai tempoh bersara wajib umur 60 tahun. Ketika Ahmad Terrirudin masih jadi Peguam Negara pun dah ada desas-desus bahawa Ahmad Terrirudin bakal jadi Ketua Hakim Negara. Nampaknya begitulah, sebab status penyambungan Tengku Maimum sebagai Ketua Hakim Negara pun masih samar-samar sampai sekarang.

Kalau senario ini berlaku, bukan sahaja “orang kita” jadi Peguam Negara, bahkan “orang kita” juga akan jadi Ketua Hakim Negara. Pihak yang menyiasat boleh berubah warna macam sesumpah untuk menjadi “orang kita”. Maka akan lengkaplah pusingan di bawah kerajaan Anwar Ibrahim; yang menyiasat, yang mendakwa dan yang memutuskan perbicaraan semuanya adalah “orang kita”. Mungkin inilah reformasi dan kebebasan institusi yang dilaung-laungkan sejak tahun 1998 oleh Anwar Ibrahim, seorang pemimpin anugerah daripada Tuhan mengikut kata Wan Azizah.

Sebelum itu, Anwar Ibrahim acap kali mendakwa institusi utama tidak bebas. Namun, Anwar Ibrahim tidak pernah pula persoalan “ketidakbebasan” mahkamah bila dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Persekutuan pada bulan September 2004. Diharap cabang kehakiman akan terus kekal dan istiqamah sebagaimana sebelum ini dalam menjadi benteng terakhir mempertahankan keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan sistem keadilan di negara ini.

Berbalik pula kepada Azam Baki. Elok tanya pada Azam Baki dah lebih 20 bulan apa tindakan yang diambil bagi menjawab isu-isu representasi Zahid Hamidi. Mungkin boleh juga tanya kepada Pegawai Penyiasat Khairuddin Kilau apa yang telah dilakukan sejak lebih 20 bulan yang lepas. Khairuddin Kilau yang lebih *senior* patut malu dengan Noornabilah Mohd Aziman (Chubel) yang lebih *junior*. Walaupun Chubel hanya *compiling IO*, tapi Chubel berjaya dapat sabitan kes Rosmah Mansor. Kasihan juga nak tanya banyak-banyak kepada Khairuddin Kilau sebab semua tindakan perlu mendapat arahan dan restu daripada Azam Baki. Kalau tiba-tiba balik dari bercuti di London, anak murid cuba khianat pada cikgu, pasti kes pendakwaan akan diteruskan semula dengan serta-merta.

Kes 1MDB libatkan jejak kewangan atau *money trails* yang kompleks, persekitaran sistem kewangan berbeza-beza dan proses permohonan *mutual legal assistance in criminal matters* di pelbagai negara masih boleh dilaksanakan dengan jayanya oleh Shukri Abdull sebelum ini. Tapi, kes Yayasan Akal Budi Zahid Hamidi adalah kes *straight forward* yang masih tergantung sehingga kini. Percayalah, kes DNAA ini akan diputuskan sebagai DNA sebelum PRU ke-16 kerana tidak ada usaha langsung di peringkat Azam Baki untuk mengambil tindakan ke atas isu-isu yang berbangkit dalam representasi Zahid Hamidi. Mungkin Azam Baki telah hilang keberaniannya bila berdepan dengan *sitting Deputy Prime Minister*. Azam Baki tidak berani sekiranya individu berkenaan masih ada “*sitting*” di depan jawatan mereka. Azam Baki hanya akan berani jika ada perkataan “X” di pangkal jawatan individu terbabit.

18. Berbanding dengan kes Zahid Hamidi, Azam Baki pada bulan September 2023 berani pula untuk menggerakkan Bahagian Penggubahan Wang Haram SPRM yang diketuai Mohamad Zamri bagi mendapatkan dokumen di Petronas berhubung dengan penyelamatan Konsortium Perkapalan Bhd milik anak Tun M oleh pihak Petronas. Tun M pun dah 2 kali jadi “X” Perdana Menteri. Kes ini juga akan memerlukan Hassan Marican yang menjadi Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas pada masa usaha penyelamatan berlaku diambil keterangannya oleh SPRM.

Dikatakan Hassan Marican melenting masa pegawai SPRM nak jumpa dia pada bulan September 2023. Hassan Marican siap telefon Anwar Ibrahim dan Azam Baki. Bagi meredakan keadaan, Azam Baki kambinghitamkan dan tukarkan keluar seorang pegawai SPRM dari Petronas. Jangan nanti Hassan Marican melenting sekali lagi sekiranya dipanggil berhubung isu “jemputan” Hassan Marican kepada Nurul Izzah untuk menyertai Sekretariat Jawatankuasa Penasihat Menteri Kewangan.

Namun, jika dilihat garis masa, tindakan SPRM itu mungkin bersangkut paut dengan kes saman oleh Tun M terhadap Anwar Ibrahim yang telah menuduh Tun M menyakau dan memperkayakan anak-anaknya sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri. Harap dalam kes saman Tun M ini, Anwar Ibrahim tidak mohon imuniti pula. Semasa Anwar Ibrahim saman Tun M satu ketika dahulu, tak ada pula Tun M mohon imuniti.

Anwar Ibrahim pernah mendakwa dia ada bukti sebanyak 6 kotak berkaitan semua kes salah guna kuasa Tun M. Ezam Mohd Noor, Ketua Pemuda Keadilan diminta jadi tukang canang bahawa Anwar Ibrahim ada 6 kotak salah laku Tun M. Ezam Mohd Noor tak pernah pula tengok 6 kotak itu. Ezam Mohd Noor masa itu adalah ayam tambatan Anwar Ibrahim kerana Anwar Ibrahim masih dalam penjara. Setelah insaf dan meninggalkan Anwar Ibrahim, Ezam Mohd Noor kemudiannya diberitahu 6 kotak itu hanya mengandungi laporan audit dan bukannya kes-kes salah laku Tun M seperti yang digembar-gemburkan. Laporan audit itu melibatkan kes Perwaja Steel. Pengarah Urusan Perwaja Steel, Eric Chia kemudiannya dituduh, namun kes rayuan tidak diteruskan setelah Eric Chia meninggal dunia. Kes itu pula mengambil masa untuk diselesaikan kerana transaksi berlaku di luar negara. Ia berjaya diteruskan setelah Parlimen meluluskan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Walau bagaimanapun, SPRM dikatakan menghadapi kesukaran untuk mengesan dan mendapatkan dokumen tersebut di Menara Berkembar Petronas kerana penyelamatan Konsortium Perkapalan Bhd berlaku pada tahun 1997. Manakan tidak, Menara Berkembar Petronas hanya siap pada tahun 1998. Dokumen pun entah ke mana. Pejabat Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tengku Muhammad Taufik pun tak simpan dokumen tersebut. Kalau ada sekalipun mungkin pegawai-pegawai kontrak Petronas telah “menyorok sementara” dokumen-dokumen tersebut. Mungkin mereka “menyorok sementara” atau tidak bersungguh-sungguh mencari dokumen yang diperlukan kerana bakal ditamatkan kontrak tidak lama lagi. Anwar Ibrahim dikira bernasib baik dan terselamat buat sementara waktu kerana Mahkamah Tinggi pada awal Oktober 2023 telah menolak permohonan Tun M bagi mendapatkan dokumen berkaitan daripada Anwar Ibrahim. Mungkin sekarang dah jumpa agaknya.

Sekiranya dokumen tersebut dijumpai oleh SPRM dan diserahkan kepada Anwar Ibrahim, bukankah ia merupakan penyalahgunaan kuasa oleh Anwar Ibrahim mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009. Anwar Ibrahim telah menggunakan jawatan dan kedudukannya sebagai Perdana Menteri untuk kepentingan dirinya bagi menyelesaikan saman sivil Tun M ke atas Anwar Ibrahim yang bersifat peribadi? Namun, perkara sebegini bukanlah satu perkara yang menghairankan bagi Anwar Ibrahim kerana Anwar Ibrahim pernah disabitkan atas kesalahan salah guna kuasa di bawah Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970 ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Dalam pertuduhan itu, Anwar Ibrahim telah mengarahkan Mohd Said Awang, Pengarah Cawangan Khas dan Amir Junus, Timbalan Pengarah Cawangan Khas II, Polis Diraja Malaysia untuk memperoleh pengakuan bertulis daripada Azizan Abu Bakar bagi menafikan salah laku seks dan liwat yang dilakukan oleh Anwar Ibrahim. Pengakuan bertulis bertujuan untuk melindungi diri Anwar Ibrahim daripada sebarang tindakan atau prosiding yang bersifat jenayah. Azizan Abu Bakar telah memberi pengakuan bertulis bertarikh 18 Ogos 1997 kepada Perdana Menteri (Tun M) seperti mana yang diarahkan.

Anwar Ibrahim juga pernah didakwa atas kesalahan salah guna kuasa di bawah Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970 ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kemudiannya telah didakwa kerana telah mengarahkan Ketua Pengarah BPR, Shafee Yahya untuk menutup siasatan ke atas Azmin Ali. Kes ini merupakan salah satu daripada 6 pertuduhan yang telah dikenakan terhadap Anwar Ibrahim, tetapi telah ditarik balik kerana terdapat 2 perbicaraan lain sedang berlangsung serentak.

Azam Baki sekali lagi berpeluang untuk membuktikan keberanian yang luar biasa sekiranya SPRM menyiasat Perdana Menteri sedia ada (*sitting Prime Minister*) mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009. Kesalahan berlaku sekiranya Azam Baki atau mana-mana pegawai SPRM pada bila-bila masa ada menerima arahan daripada Perdana Menteri untuk mendapatkan dan membekalkan dokumen penyelamatan Konsortium Perkapalan Bhd oleh Petronas bagi tujuan menjawab afidavit saman sivil Tun M di mahkamah. Namun, Azam Baki telah beberapa kali menafikan bahawa SPRM menerima arahan daripada Perdana Menteri, Anwar Ibrahim dalam menjalankan siasatan terhadap kes-kes rasuah. Bahkan Azam Baki pernah kata dia sekarang lebih bebas untuk bertindak. Bukankah selama berkhidmat sebagai KP SPRM, Azam Baki sering *brief* dan *update* Anwar Ibrahim kes-kes siasatan yang melibatkan penyakau mahakaya ini? Banyak kes-kes penyakau mahakaya sedang diambil tindakan oleh SPRM ketika ini. Tidakkah Anwar Ibrahim dan Azam Baki teruja untuk berkongsi cerita?

Seorang yang pernah didapati tidak jujur dalam isu sahamnya, bolehkah dipercayai dalam penafiannya sebegini? Mulut boleh berbohong, tapi hati mengetahui segalanya. Di samping isu saham, mungkin tidak terlambat juga bagi Azam Baki untuk mengemaskini perisytiharan harta di HRMIS berhubung penyewaan tanah milik PKPS di Lot 19378 PN 79405 Mukim Ulu Langat, Daerah Hulu Langat Selangor seluas 6 ekar (semasa beliau menjadi TKP Operasi SPRM). Penyewaan tanah milik PKPS turut diperoleh dua pegawai SPRM iaitu Azizul Sharkawi sebanyak 20 ekar dan Ahmad Syafik Abdul Rahman sebanyak 6.5 ekar. Pegawai bawahan pun dapat menyewa tanah yang lebih luas. Mungkin mereka berdua yang

menguruskannya dan Azam Baki hanya tumpang nama sahaja. Tanah yang disewa Azizul Sharkawi sesuai dan cukup luas untuk dijadikan tempat latihan menembak. Bukankah Azam Baki selalu berlatih menembak di tanah milik Azizul Sharkawi? Sebelum dimohon, adakah telah mendapat sokongan daripada KP SPRM, Dzulkifli Ahmad, terlebih dahulu? Adakah kebenaran bertulis telah diperoleh daripada JPM selepas disokong oleh Dzulkifli Ahmad? Mungkin tidak, kerana pemilikan saham juga telah dibuat tanpa kebenaran bertulis diberikan oleh JPM.

Agak-agaknya berani atau tidak Cawangan Siasatan Dalaman atau Syed Termizi menyiasat isu penyewaan tanah tersebut? Syed Termizi hanya ada keris bersilang dan satu bintang sahaja di bahu. Azam Baki bukan sahaja ada 4 bintang dan keris bersilang, bahkan satu-satunya Pegawai SPRM yang ada bunga padi di bahunya. Atau Syed Termizi hanya akan menyiasat Azizul Sharkawi dan Ahmad Syafik Abdul Rahman tanpa melibatkan Azam Baki. Seperti Azam Baki, Syed Termizi juga perlu berani, itu pun kalau dia benar-benar berani. Ucap tahniah dapat *baby* pun, Azam Baki tukarkan 2 pegawai SPRM dengan serta-merta ke Kedah dan Johor. Cepat koyak juga Azam Baki ini.

19. Pada awal tahun 2023, SPRM telah menjalankan siasatan ke atas Allahyarham Tun Daim berhubung dakwaan rasuah dan pengubahan wang haram. Sitaan ke atas akaun dan harta milik Allahyarham Tun Daim juga telah dibuat oleh pihak SPRM. Allahyarham Tun Daim kemudiannya telah diarah mengisytiharkan harta kepada SPRM mengikut seksyen 36 (1) Akta SPRM 2009. Pada penghujung bulan Januari 2024, Allahyarham Tun Daim telah dituduh di mahkamah bukan atas kesalahan predikat di bawah Akta SPRM 2009 sebaliknya atas kesalahan gagal mematuhi notis yang dikeluarkan oleh SPRM. Walaupun pertuduhan yang dikenakan itu ditarik balik oleh pihak pendakwaan berikutan kematian Allahyarham Tun Daim pada 13 November 2024, keluarga Allahyarham Tun Daim telah membantah keputusan penarikan balik pertuduhan tersebut kerana menjadi hasrat Allahyarham Tun Daim untuk membersihkan nama beliau melalui proses perbicaraan mahkamah. Berani betul Allahyarham Tun Daim. Berani kerana benar.

Azam Baki telah mengumumkan bahawa SPRM bercadang melucuthak beberapa harta milik Allahyarham Tun Daim berjumlah hampir RM2 bilion. Azam Baki kata "...SPRM percaya harta Daim yang tak diisytihar mungkin diperoleh dengan cara salah". Salah apakah itu Azam Baki? Adakah Allahyarham Tun Daim merompak, *mastermind* judi dalam talian, pembekal senjata haram, mengedar dadah atau menjadi *scammer*? Kesemua kesalahan itu bukan kesalahan predikat di bawah bidang kuasa SPRM? Sekadar "percaya" masih belum memadai melainkan Azam Baki mengatakan berdasarkan siasatan yang dijalankan setakat ini, terdapat asas-asas kukuh untuk mempercayai bahawa harta yang tidak diisytiharkan adalah hasil dari kesalahan-kesalahan predikat di bawah Akta SPRM 2009. Adakah sukar bagi Bahagian Analisa Kewangan SPRM untuk lakukan jejak kewangan harta Allahyarham Tun Daim yang diperoleh "cara salah" itu? Atau memang jejak kewangan tidak menjumpai sebarang kesalahan predikat.

Mengapa SPRM menyita semula Menara Ilham mengikut seksyen 51(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001? Sebab sitaan kali pertama mengikut seksyen 38 Akta SPRM 2009 gagal membuktikan apa-apa kesalahan predikat dilakukan oleh Allahyarham Tun Daim di bawah Akta SPRM 2009 selepas hampir 18 bulan

menara tersebut disita. Tempoh sitaan bakal tamat pada pertengahan Jun 2025 dan SPRM masih belum berjaya membuat apa-apa pertuduhan ke atas Allahyarham Tun Daim atas mana-mana kesalahan predikat mengikut Akta SPRM 2009. SPRM kini cuba menggunakan pukut yang lebih besar untuk *fishing expedition* yang lebih lama setelah pukut lama tidak memberikan apa-apa pulangan.

Azam Baki turut menambah "...berasas atau tidak, itu adalah pandangan beliau dan mereka juga mempunyai hak untuk menyuarakan apa sahaja pandangan mereka" apabila peguam isteri Allahyarham Tun Daim dan keluarga yang menyifatkan tindakan itu sebagai tidak masuk akal dan dibuat tanpa asas perundangan. Hebat sungguh KP SPRM yang berlatarbelakang bidang Jurisprudens ini. Bagaimana mungkin peruntukan ini digunakan dengan sewenang-wenangnya oleh SPRM? Setakat ini Allahyarham Tun Daim tidak pernah dituduh atas apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan kesalahan predikat apakah yang dilakukan oleh Allahyarham Tun Daim bagi memperoleh harta berkenaan. Bahkan dalam *fishing expedition* kali pertama pun mereka tidak menjumpai apa-apa kesalahan predikat yang dilakukan oleh Allahyarham Tun Daim. "Alasan munasabah" apakah yang digunakan oleh Azam Baki untuk mengeluarkan notis seksyen 36 (1) Akta SPRM 2009 kepada Allahyarham Tun Daim ketika mana tidak ada pertuduhan di bawah kesalahan predikat dikenakan ke atas Allahyarham Tun Daim?

Azam Baki patut mendengar pandangan Dzulkifli Ahmad baru-baru ini yang mempertikaikan penyitaan Menara Ilham kali kedua. Bukan sahaja Dzulkifli Ahmad pernah menjadi KP SPRM, Dzulkifli Ahmad pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pendakwa Raya di AGC dan kini menjadi pengamal undang-undang. Hebatnya Dzulkifli Ahmad sehingga berjaya mendapatkan pelepasan dan pembebasan kes Shahrir Samad yang dituduh oleh SPRM. Dzulkifli Ahmad juga merupakan Presiden Akademi Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Rasuah (AMLAC) yang bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan London Examination Board.

AMLAC bukan macam MACA SPRM yang menjalin kerjasama dengan NTU, program *brainchild* Azam Baki. Duit dah habis banyak, impak program kepada pegawai SPRM pun tidak jelas. Jika ditanya kepada pegawai SPRM yang hadir, majoriti akan kata program itu "*useless*". Lebih menyedihkan, program pun tak diiktiraf oleh MQA dan JPA. Sekarang ini MACA jalinkan pula kerjasama dengan ELMU supaya program MACA dapat pengiktirafan. Yang buat *deal* dengan Azam Baki untuk kerjasama dengan NTU dan ELMU adalah orang yang sama, Kassim Noor Mohamed. Kassim Noor Mohamed ini juga yang banyak menulis artikel mempertahankan Azam Baki. Beza dengan Kekanda Satria, Kassim Noor Mohamed akan tulis artikel dalam *mainstream* elektronik media.

Adakah Azam Baki terlupa atau sengaja buat-buat lupa bahawa Ramli Yusuff, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, PDRM telah didakwa gagal mematuhi notis yang dikeluarkan mengikut subseksyen 32 (1) APR 1997 (notis yang sama mengikut subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009 yang diserahkan kepada Allahyarham Tun Daim). Atas kegagalan tersebut, Ramli Yusuff telah didakwa pada bulan November 2007 mengikut subseksyen 32 (2) APR 1997 (kesalahan yang sama mengikut subseksyen 36 (2) Akta SPRM 2009 yang turut dikenakan ke atas Allahyarham Tun Daim). Ramli Yusuff pada masa yang sama juga telah dituduh atas kesalahan salah guna kuasa (seksyen 15 APR 1997 yang sama dengan seksyen 23

Akta SPRM 2009) kerana sebagai Pesuruhjaya Polis Sabah didakwa mengeluarkan arahan dan menggunakan pesawat Cessna Caravan PDRM untuk membawanya meninjau tanah di Ulu Tungku, Lahad Datu miliknya. Ramli Yusuff juga dikenakan pertuduhan mengikut seksyen 168 Kanun Keseksaan kerana memiliki kepentingan dalam Syarikat Kinsajaya Sdn. Bhd. Mahkamah-mahkamah Sesyen memutuskan pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* di mana Ramli Yusuff tidak dipanggil untuk membela diri bagi kesemua pertuduhan mengikut subseksyen 32 (2) APR 1997, pertuduhan seksyen 15 APR 1997 dan seksyen 168 Kanun Keseksaan. Mahkamah Tinggi juga memutuskan tidak ada merit untuk membatalkan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen.

Seksyen 15 APR 1997 merupakan kesalahan predikat bagi membolehkan subseksyen 32 (1) APR 1997 dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, seksyen 168 Kanun Keseksaan tidak termasuk sebagai kesalahan predikat bagi menguatkuasakan peruntukan subseksyen yang sama. APR 1997 hanya menyenaraikan 8 seksyen Kanun Keseksaan sebagai kesalahan predikat sebelum ditambah 29 seksyen Kanun Keseksaan lagi semasa penggubalan Akta SPRM 2009 (keseluruhan 37) sebagaimana terdapat dalam Jadual. Penambahan ini memperluaskan kesalahan predikat dalam Akta SPRM 2009 bagi memudahkan SPRM mengambil tindakan khususnya mengikut seksyen 30, 31, 33, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 43, 44 dsb. Akta SPRM 2009.

Siapakah yang begitu bijak menambah 29 seksyen baru Kanun Keseksaan itu? Siapa lagi kalau bukannya pegawai SPRM yang belajar bidang Jurisprudens. Bahkan menjadi lawak di peringkat Bahagian Gubalan AGC ketika Akta SPRM 2009 hendak diperkenalkan di mana pihak BPR diminta masukkan sama kesalahan seksyen 376 dan 377A Kanun Keseksaan. Seksyen itu berkaitan dengan kesalahan apa? Boleh tanya Anwar Ibrahim. Dia dah hafal seksyen-seksyen kesalahan itu.

Kuasa untuk mengeluarkan notis juga berbeza di kedua-dua Akta. APR 1997 memperuntukkan kuasa tersebut kepada Pendakwa Raya manakala Akta SPRM 2009 mengehadkan penggunaan kuasa tersebut kepada pegawai Suruhanjaya berpangkat Pesuruhjaya atau yang berpangkat lebih tinggi (Jusa B dan ke atas). Tidak ada semak dan imbang (*check and balance*) oleh Pendakwa Raya wujud di bawah seksyen 36 Akta SPRM yang memungkinkan peruntukan tersebut boleh di salahgunakan oleh SPRM. Sekiranya ada semak dan imbang sekalipun, Timbalan-timbalan Pendakwa Raya yang ada di SPRM mana berani pertikaikan permohonan SPRM apabila SPRM hendak sita atau beku harta mana-mana individu mengikut seksyen 38 dan 39 Akta SPRM 2009 atau Bahagian VI Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001. Lebih-lebih lagi kalau itu kehendak Azam Baki.

Mudah sangat Timbalan Pendakwa Raya di SPRM “berpuas hati” dengan maklumat yang diberikan oleh pegawai SPRM. Kalau SPRM tidak berjaya mendapatkannya daripada Timbalan-timbalan Pendakwa Raya yang ada di SPRM, SPRM akan mendapatkannya daripada AGC. Contohnya, kes ADUN-ADUN Sabah, baru dihantar, terus Azam Baki umumkan seorang dua yang terkait akan didakwa di mahkamah. Begitu cepat mereka berpuas hati dengan hasil siasatan SPRM.

Berkaitan dengan pertuduhan di subseksyen 32 (2) APR 1997 yang dikenakan ke atas Ramli Yusuff, Mahkamah Sesyen memutuskan notis-notis telah dikeluarkan

secara salah oleh Timbalan Pendakwa Raya, Anthony Kevin Morais (mendiang) tanpa mempunyai dasar-dasar yang wajar bahawa kesalahan di bawah Akta APR 1997 telah dilakukan. Sekalipun Ramli Yusuff dituduh menyalahgunakan jawatan mengikut seksyen 15 APR 1997, apa kaitannya pertuduhan salah guna jawatan tersebut dengan harta-harta yang menjadi subjek pertuduhan di bawah subseksyen 32 (2) APR 1997. Melainkan satu senario, di mana Ramli Yusuff semasa menjadi Pesuruhjaya Polis Sabah telah menggunakan jawatannya dengan meluluskan projek-projek kepada dirinya, saudaranya, atau sekutunya dan terkumpullah sejumlah harta alih (wang tunai, barang kemas atau kereta) atau harta tidak alih (rumah atau tanah). Ramli Yusuff boleh dituduh mengikut seksyen 15 APR 1997 dan subseksyen 32 (2) APR 1997 kerana harta alih atau harta tak alih adalah hasil yang diperoleh daripada penyalahgunaan kuasa seksyen 15 APR 1997 (kesalahan predikat) bagi menguatkuasakan subseksyen 32 (2) APR 1997.

Adakah Azam Baki telah menyemak Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya (PTKP) SPRM Bab B (Siasatan) Bil. 8 Tahun 2010 yang berhubungan dengan “Prosedur Penyiasatan Bagi Kuasa Memperolehi Maklumat Di Bawah Seksyen 36 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009”? Secara ringkasnya sebelum notis dikeluarkan mengikut subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009, prosedur-prosedur berikut hendaklah dipenuhi:

- i) Satu Kertas Siasatan hendaklah dibuka terlebih dahulu bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 (kesalahan predikat)
- ii) Siasatan yang dijalankan perlu menunjukkan bahawa ada alasan munasabah untuk mempercayai orang yang disiasat mempunyai atau memiliki/ memegang/ memperoleh harta hasil dari atau berkaitan dengan suatu kesalahan predikat
- iii) Hasil siasatan berserta ulasan dan perakuan Pegawai Penyiasat Kes perlu diedar mengikut hirarki organisasi sebelum dikemukakan kepada seorang Pegawai Suruhanjaya berpangkat Pesuruhjaya (Jusa B) atau yang berpangkat lebih tinggi bagi memohon untuk mendapatkan notis bertulis berkaitan mengikut subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009
- iv) Pegawai Suruhanjaya berpangkat Pesuruhjaya (Jusa B) atau yang berpangkat lebih tinggi jika mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai dari siasatan yang dijalankan bahawa harta yang dipegang atau diperoleh oleh mana-mana orang adalah berkaitan suatu kesalahan predikat, hendaklah mengeluarkan notis berkaitan mengikut subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009

Berdasarkan PTKP di atas, persoalan pertama yang wajar ditanya kepada Azam Baki adakah satu Kertas Siasatan telah dibuka terlebih dahulu bagi apa-apa kesalahan predikat di bawah Akta SPRM 2009. Adakah Kertas Siasatan itu dibuka berdasarkan frasa yang selalu digunakan oleh Anwar Ibrahim iaitu “penyakau” dan “mahakaya” atau pun berdasarkan Panama Papers (2016) atau Paradise Papers (2017) atau Pandora Papers (2021) atau berdasarkan aduan lain?. Mengikut kenyataan media SPRM bertarikh 30 Disember 2023 “...SPRM telah membuka kertas siasatan pada Februari 2023 berdasarkan maklumat daripada Kertas Pandora” dan “...Pada 7 Jun 2023, satu Notis di bawah Seksyen 36 (1) (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dikeluarkan”.

Umum mengetahui bahawa Allahyarham Tun Daim telah termasuk dalam kategori mahakaya (frasa yang sering didendangkan oleh Anwar Ibrahim) melalui perniagaan dan pelaburan di dalam dan di luar negara sebelum beliau menceburi bidang politik

secara aktif. Boleh dikatakan Allahyarham Tun Daim telah menjadi mahakaya sebelum Akta SPRM 2009 diperkenalkan. Bahkan boleh dikatakan juga bahawa Allahyarham Tun Daim mungkin telah pun tergolong dalam kategori mahakaya sebelum peruntukkan perisytiharan harta dikuatkuasakan melalui Seksyen 32 APR 1997 (peruntukan sama di Seksyen 36 Akta SPRM 2009).

Walaupun Azam Baki pasti akan menafikan, Pandora Papers hanya muncul pada tahun 2021 dan SPRM pula membuka Kertas Siasatan pada bulan Februari 2023. Ini berbeza dengan istilah mahakaya dan penyakau yang mula digunakan oleh Anwar Ibrahim sebaik sahaja menjadi Perdana Menteri pada 24 November 2022. Lebih menghairankan lagi ketiga-tiga laporan; Panama Papers, Paradise Papers dan Pandora Papers hanya mendedahkan pemilikan akaun dan harta individu, syarikat dan organisasi di syarikat luar pesisir bertujuan sebagai *tax haven* atau kemudahan cukai.

Setakat diketahui, ketiga-tiga laporan tidak menyebut secara khusus sebarang kesalahan jenayah yang boleh dikaitkan dengan akaun dan harta yang telah didaftarkan di syarikat luar pesisir berkenaan. Adakah pemilikan akaun oleh Allahyarham Tun Daim di syarikat luar pesisir bagi tujuan *tax haven* atau untuk pelarian cukai (sekiranya benar) merupakan kesalahan predikat di bawah Akta SPRM 2009 yang tersenarai sebagai kesalahan berat dalam Jadual Kedua Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001? Sekiranya ianya adalah hasil judi, hasil rompakan, hasil daripada pengedaran dadah sekalipun, SPRM tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan kerana ia tidak tersenarai sebagai kesalahan berat di bawah bidang kuasa SPRM. Ia mungkin adalah kesalahan berat untuk tindakan pihak berkuasa yang lain. Setakat ini, tidak ada kedengaran mana-mana agensi lain turut menjalankan siasatan ke atas Allahyarham Tun Daim.

Adalah sukar untuk menolak persepsi bahawa Kertas Siasatan itu sebenarnya dibuka berdasarkan kenyataan Perdana Menteri (lebih kurang 3 bulan selepas Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri), dan bukannya berdasarkan Pandora Papers (didedahkan lebih dari 1 tahun sebelum Kertas Siasatan dibuka). Bagi berlaku adil kepada SPRM yang mengatakan siasatan ke atas Allahyarham Tun Daim adalah berdasarkan Pandora Papers, soalan lanjut yang perlu dijawab, adakah Pandora Papers itu secara khusus menyatakan kesalahan predikat di bawah bidang kuasa SPRM yang telah dilakukan oleh Allahyarham Tun Daim?

Berdasarkan carian yang dibuat menunjukkan bahawa pendedahan Pandora Papers yang melibatkan Allahyarham Tun Daim menjurus kepada pewujudan beberapa akaun syarikat luar pesisir oleh Allahyarham Tun Daim bagi tujuan kemudahan cukai. Persoalannya, adakah kemudahan cukai (mungkin dianggap pelarian cukai) berada di bawah bidang kuasa SPRM sehingga satu Kertas Siasatan dibuka bagi menyiasat Allahyarham Tun Daim? Di samping itu, mengikut seksyen 82 Akta Cukai Pendapatan 1967, apa sahaja dokumen berkaitan perniagaan hanya perlu disimpan selama tempoh 7 tahun. Persoalannya seterusnya, masih wujud lagikah dokumen-dokumen berkenaan di syarikat luar pesisir tersebut?

Mengapa SPRM tidak menyiasat sama Zahid Hamidi yang tersenarai dalam Pandora Papers? Adakah disebabkan Zahid Hamidi, Anwar Ibrahim dapat juga akhirnya jadi Perdana Menteri setelah sekian lama menanti? Mungkin Zahid Hamidi adalah

Timbalan Perdana Menteri dalam kerajaan Anwar Ibrahim. Mungkin juga disebabkan adanya hubungan cikgu dengan anak murid. Mengapa SPRM tidak turut menyiasat Tengku Zafrul yang namanya turut tersenarai dalam Pandora Papers? Adakah disebabkan Tengku Zafrul berada dalam kerajaan Anwar Ibrahim? Bayangkan pula sekiranya Tengku Zafrul berada pula dalam parti Anwar Ibrahim.

Mengapa SPRM tidak juga menyiasat Yamani Hafez? Adakah disebabkan Yamani Hafez anak kepada Musa Aman, YDP Negeri Sabah. Mengapa SPRM tidak umum mereka menyiasat William Leong, seorang ahli Parlimen (PH-Selayang). Adakah disebabkan William Leong dari parti Anwar Ibrahim? Tidak kedengaran sebarang kenyataan media dikeluarkan oleh SPRM ke atas individu-individu tersebut bahawa mereka sedang disiasat, jauh sekali untuk menerima notis subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009. Sekali lagi, kata-kata Zaid Ibrahim ada kebenarannya.

Bagi berlaku adil sekali lagi kepada SPRM, adakah akaun syarikat luar pesisir yang diwujudkan oleh Allahyarham Tun Daim berpunca daripada mana-mana kesalahan predikat di bawah Akta SPRM 2009 ataupun APR 1997. Senario melibatkan Ramli Yusuff di atas boleh dijadikan perbandingan. Subseksyen 29 (1) Akta SPRM 2009 menyebut "Tiap-tiap aduan yang berhubungan dengan perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini (kesalahan predikat) boleh dibuat secara lisan atau secara bertulis kepada seorang pegawai Suruhanjaya...". SPRM dilihat gagal dalam ujian litmus (Prosedur i) sekiranya aduan yang dibuat di bawah seksyen 29 Akta SPRM 2009 bagi membolehkan Kertas Siasatan dibuka tidak menyebut secara khusus sebarang kesalahan predikat. Namun, memang telah menjadi amalan SPRM untuk membuat aduan ringkas dan umum bagi membolehkan SPRM menggunakan pukut tunda yang besar dalam misi menangkap ikannya.

Untuk berlaku lebih adil lagi kepada SPRM, sekiranya Prosedur (i) telah dipenuhi, adakah siasatan yang dijalankan menunjukkan bahawa ada alasan munasabah untuk mempercayai orang yang disiasat mempunyai atau memiliki/ memegang/ memperoleh harta hasil dari atau berkaitan dengan suatu kesalahan predikat (Prosedur ii)? Memandangkan ia melibatkan akaun syarikat luar pesisir, adakah permohonan dalam perkara jenayah telah dibuat kepada pihak berkuasa negara asing berkenaan di mana akaun pesisir luar itu berada? Sekiranya keperluan perundangan ini juga telah dipenuhi dengan teratur, adakah Pegawai Penyiasat mempunyai alasan munasabah berdasarkan jejak kewangan bahawa harta yang terdapat di akaun syarikat luar pesisir itu adalah hasil dari atau berkaitan dengan suatu kesalahan predikat yang terdapat dalam aduan? Kepantasan SPRM mendapatkan kerjasama pihak berkuasa negara asing (tidak dinyatakan dalam kenyataan media SPRM) dan kepantasan Pegawai Penyiasat untuk *establish* "alasan munasabah" yang dinyatakan di Prosedur (ii) boleh dipuji (atau diragui) mengambil kira tempoh masa siasatan dan pertuduhan dibuat.

Masih berlaku adil lagi kepada SPRM, seandainya Prosedur (ii) juga dipatuhi dengan sepenuhnya, tindakan seterusnya adalah untuk Pegawai Penyiasat mengedarkan hasil siasatan berserta ulasan dan perakuan kepada seorang Pegawai Suruhanjaya berpangkat Pesuruhjaya (Jusa B) atau yang berpangkat lebih tinggi bagi memohon mendapatkan notis bertulis berkaitan mengikut subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009 (Prosedur iii). Sebelum notis mengikut subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009 dikeluarkan, pegawai berkenaan hendaklah mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai, berdasarkan penyiasatan yang dijalankan bahawa harta yang

dipegang atau diperoleh oleh mana-mana orang adalah berkaitan suatu kesalahan predikat.

Untuk prosedur ini, adakah Azam Baki terlupa dalam kes Ramli Yusuff, Anthony Kevin Morais (mendiang), Timbalan Pendakwa Raya BPR yang menandatangani notis subseksyen 32 (1) APR 1997 telah dicabar oleh peguam yang mewakili Ramli Yusuff khususnya yang melibatkan frasa "...jika dia mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai, berdasarkan penyiasatan yang dijalankan.."? Semak nota keterangan, berapa lamakah agaknya Anthony Kevin Morais terpaksa berada di kandang saksi? Mahkamah memutuskan notis-notis telah dikeluarkan secara salah tanpa mempunyai dasar-dasar yang wajar bahawa kesalahan di bawah Akta APR 1997 telah dilakukan.

SPRM bernasib baik kerana pertuduhan di bawah subseksyen 36 (2) Akta SPRM 2009 ke atas Allahyarham Tun Daim telah ditarik balik selepas Tun Daim meninggal dunia. Sekiranya, Tun Daim masih hidup dan perbicaraan berjalan, pegawai SPRM yang menandatangani notis subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009 hendaklah dipanggil bagi menjelaskan "kemunasabahan" notis itu dikeluarkan. Peluang ini boleh digunakan oleh balu Allahyarham Tun Daim, Na'imah Abdul Khalid untuk mencabar "kemunasabahan" notis yang turut diserahkan kepada beliau. Pegawai SPRM yang menandatangani subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009, perlu berani tampil memberikan keterangan berhubung notis yang ditandatangani, lebih-lebih lagi tidak wujud semak dan imbang yang memungkinkan berlaku penyalahgunaan kuasa oleh SPRM berbanding yang terdapat dalam APR 1997. Sekiranya Azam Baki yang menandatangani notis berkenaan, Azam Baki masih boleh dipanggil walaupun tidak lagi menjadi KP SPRM. Jangan nanti Azam Baki menggunakan pengetahuan Jurisprudensnya sekali lagi untuk mengelakkan *subpoena* yang dikeluarkan mahkamah.

Azam Baki pada 22 Mei 2025 ada membuat kenyataan bahawa SPRM sedang ke arah melucutkan harta Allahyarham Tun Daim yang tidak diisytiharkan. Peguam dan keluarga Allahyarham Tun Daim menyifatkan tindakan itu sebagai tidak masuk akal dan dibuat tanpa asas perundangan. Antara harta yang tidak diisytiharkan oleh Allahyarham Tun Daim yang menjadi perihal pertuduhan subseksyen 36 (2) Akta SPRM 2009 adalah membabitkan aset di Amanah Saham Nasional Berhad, tujuh kenderaan, 38 syarikat dan 25 hartanah serta tanah di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Pahang dan Kedah. Pada 29 Januari 2025, kesemua pertuduhan terhadap Allahyarham Tun Daim itu telah ditarik balik oleh pihak Pendakwaan berikutan kematian Tun Daim dan mahkamah telah membebaskan dan melepaskan Allahyarham Tun Daim dari semua pertuduhan.

Kenyataan Azam Baki itu telah membuktikan bahawa tindakan SPRM sememangnya tidak berdasarkan undang-undang. Peruntukan seksyen manakah dalam Akta SPRM 2009 yang Azam Baki hendak gunakan bagi melucutkan harta Allahyarham Tun Daim yang telah disita atau dibekukan SPRM; seksyen 40 Akta SPRM 2009 apabila pendakwaan dibuat atau seksyen 41 Akta yang sama apabila tiada pendakwaan atau tiada sabitan dikenakan ke atas tertuduh.

Pelucuthakan harta mengikut seksyen 40 Akta SPRM 2009 itu hanya boleh digunakan bagi sebarang pendakwaan kesalahan di bawah Akta ini (kesalahan predikat) dan bukannya kegagalan mematuhi notis di bawah subseksyen 36 (2)

Akta SPRM 2009. Kesalahan predikat itu juga hendaklah dibuktikan terhadap tertuduh. Ketika mana tiada pertuduhan dikenakan ke atas Allahyarham Tun Daim atas apa-apa kesalahan predikat, bagaimana harta yang tidak diisytiharkan itu boleh dilucuthak. Sekiranya ada sekalipun pertuduhan kesalahan predikat dibuat ke atas Allahyarham Tun Daim, bagaimana Azam Baki hendak melucuthak harta berkenaan kerana Tun Daim belum lagi disabitkan atas sebarang kesalahan predikat. Bahkan, kes ke atas Allahyarham Tun Daim juga telah ditarik balik.

Andai kata Azam Baki berhasrat menggunakan seksyen 41 Akta SPRM 2009 bagi melucuthak harta yang tidak diisytiharkan oleh Allahyarham Tun Daim itu, di mana tiada pendakwaan atau tiada sabitan dikenakan ke atas Allahyarham Tun Daim, permohonan hendaklah dibuat kepada Hakim Mahkamah Sesyen sebelum tamat tempoh 18 bulan dari tarikh harta itu disita (tempoh 18 bulan akan tamat pada pertengahan Jun 2025). Pihak pendakwaan sebelum mengemukakan permohonan itu hendaklah berpuas hati bahawa harta yang hendak dilucuthak itu adalah hasil daripada kesalahan predikat. Hakim Mahkamah Sesyen kemudiannya akan mengeluarkan satu notis dalam Warta memanggil mana-mana orang yang berkepentingan atau membuat tuntutan atas harta yang hendak dilucuthak (berkemungkinan ahli keluarga Allahyarham Tun Daim) hadir sebagaimana ditetapkan dalam notis mengapa harta itu tidak boleh dilucuthak. Sebelum Hakim Mahkamah Sesyen melucuthak harta tersebut, Hakim Mahkamah Sesyen itu hendaklah berpuas hati harta yang hendak dilucuthak adalah hasil dari kesalahan predikat.

Kesalahan predikat di bawah Akta SPRM 2009 apakah yang telah dipertuduhkan ke atas Allahyarham Tun Daim setakat ini? TIDAK ADA. Setakat ini pukut tunda belum membuahkan apa-apa hasil. Jika ada pertuduhan sekalipun, adakah harta tersebut merupakan hasil daripada kesalahan predikat yang telah dipertuduhkan ke atas Allahyarham Tun Daim? Setelah gagal menggunakan Akta SPRM 2009, kini SPRM mencuba pula menggunakan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001. Kes Ramli Yusuff di atas adalah contoh klasik di mana harta yang hendak dilucuthak, walaupun ada pertuduhan kesalahan predikat (seksyen 15 APR 1997), namun harta tersebut bukan hasil dari kesalahan yang dipertuduhkan.

Sebagai contoh, sekiranya perbicaraan diteruskan semula ke atas Zahid Hamid dan Zahid Hamidi didapati bersalah ke atas ke semua 47 pertuduhan serta sabitan dikekalkan di semua peringkat rayuan, SPRM boleh menggunakan peruntukan seksyen 40 Akta SPRM 2009 untuk melucuthak harta yang dinyatakan dalam kesemua pertuduhan. Sekiranya Zahid Hamidi didapati salah bagi sebahagian daripada pertuduhan, hanya harta yang terlibat dalam sabitan sahaja yang boleh dilucuthak. Andai kata, mahkamah termasuk di peringkat rayuan memutuskan Zahid Hamidi dilepas dan dibebaskan daripada semua pertuduhan, peruntukkan seksyen 41 Akta SPRM 2009 masih boleh digunakan untuk melucuthak harta tertakluk kepada pematuan yang telah ditetapkan dalam peruntukan tersebut. Ketika mana representasi Zahid Hamidi masih “disimpan sementara” oleh Azam Baki, harta-harta berkaitan yang disita di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 juga akan “disimpan sementara” sehingga ada keputusan terbaru dibuat.

Azam Baki dalam kenyataan kepada media pada 25 Mei 2005 turut dipetik sebagai berkata “..walau pun ketiadaan Tun Daim lagi, kita sedang menuju ke arah itu (melucutkan harta)”. Sebagai graduan Jurisprudens, Azam Baki sepatutnya merujuk kepada undang-undang terlebih dahulu atau bertanya kepada pihak pendakwaan. Adakah Azam Baki terlupa, apabila keluarga Allahyarham Tun Daim membantah keputusan penarikan balik pertuduhan yang telah dikenakan ke atas Allahyarham Tun Daim agar nama beliau dibersihkan melalui proses perbicaraan mahkamah, Wan Shahrudin, Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM menyatakan “...Sekiranya kita meneruskan perbicaraan, dan pada akhir kes pendakwaan, mahkamah memerintahkan tertuduh membela diri... bagaimana kita mahu meneruskan? "Apabila ada pertuduhan, maka perlu ada jasad, perlu ada pihak yang dituduh.” Adakah Azam Baki mahu melihat Allahyarham Tun Daim bangkit daripada kubur untuk mempertahankan diri semasa perbicaraan kelak?

Azam Baki juga pada 28 Mei 2025 telah menjawab “...Berasas atau tidak, SPRM tetap bertegas mahu lucut harta Daim...SPRM percaya harta Daim yang tak diisytihar mungkin diperoleh dengan cara salah”. Bukan itu sahaja, SPRM juga baru-baru ini telah berjaya mendapat perintah Mahkamah Tinggi pada 4 Jun 2025 dalam permohonan *ex-parte* untuk membekukan harta-harta Allahyarham Tun Daim di luar negara bagi mengelakkan harta-harta tersebut dilupuskan. Berani sungguh Azam Baki. Mungkin inilah keberanian luar biasa Azam Baki yang digambarkan oleh Anwar Ibrahim. Harap pelucuthakan harta Allahyarham Tun Daim segera dibawa dan diputuskan mahkamah. Meminjam kata-kata Ibrahim Pendek dalam filem Ali Baba Bujang Lapok “mari tengok sapa yang kena”.

Pada 5 Jun 2025, SPRM sekali lagi telah menyita Menara Ilham milik Allahyarham Tun Daim. Cuma kali ini Menara Ilham disita mengikut seksyen 51(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001. Bangunan yang sama pertama kali pernah disita pada 18 Disember 2023 mengikut seksyen 38 Akta SPRM 2009. Memandangkan tempoh penyitaan 18 bulan yang diperuntukkan di bawah seksyen 41 Akta SPRM 2009 telah hampir tamat dan tiada pendakwaan di bawah Akta SPRM 2009 (kesalahan predikat) telah dikenakan ke atas Allahyarham Tun Daim, SPRM menggunakan pula peruntukan seksyen 51(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 bagi menyita menara tersebut. Satu tindakan yang turut dipertikaikan oleh Dzulkifli Ahmad.

Adakah langkah penyitaan itu merupakan proses awal ke arah pelucuthakan harta alih dan tak alih sebagaimana digambarkan oleh Azam Baki pada 28 Mei 2025? Bayangkan dalam tempoh 18 bulan selepas sitaan pertama dibuat mengikut seksyen 38 Akta SPRM 2009, SPRM masih tidak mampu untuk melucuthak Menara Ilham mengikut seksyen 41 Akta SPRM 2009 kerana tidak ada pertuduhan kesalahan predikat dikenakan ke atas Allahyarham Tun Daim. Kalau tidak ada pertuduhan, bermakna tidak ada kesalahan predikat yang dilakukan oleh Allahyarham Tun Daim dalam memperoleh harta berkaitan. Kalau tidak ada kesalahan predikat, bagaimana harta itu boleh dilucuthak.

Dengan menggunakan seksyen 51(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, SPRM meneruskan *fishing expedition* menggunakan kapal yang lebih besar dengan

harapan jejak kewangan yang sedang dilakukan dapat membuktikan Menara Ilham adalah hasil yang “diperoleh dengan cara salah”. Mungkin lagi lama misi pemburuan ikan itu, lagi lama Azam Baki boleh kekal sebagai Tsar di SPRM. Semuanya demi kepentingan Azam Baki, bukan untuk organisasi. Cuma Azam Baki kenalah pastikan dahulu “cara salah” itu tersenarai sebagai kesalahan predikat Akta SPRM 2009 di Jadual 2 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

20. Pada bulan Februari 2024, semasa memberi keterangan di mahkamah, Pegawai Penyiasat SPRM, Nur Aida Ariffin memaklumkan kepada mahkamah bahawa beliau menerima arahan daripada pegawai atasan untuk menghentikan siasatan ke atas 1MDB pada tahun 2016 sebaik sahaja berlaku pertukaran pucuk pimpinan SPRM daripada Abu Kassim kepada Dzulkifli Ahmad. Berani sungguh pegawai atasan itu untuk berikan arahan menghentikan siasatan dan bukannya KIV siasatan. Walau bagaimanapun, Nur Aida Ariffin tidak mengingati siapakah individu yang begitu berani untuk memberikan arahan tersebut. Arahan penting sebegini mesti dicatat oleh Pegawai Penyiasat dalam Diari Penyiasatan. Ini perkara *basic* bagi Pegawai Penyiasat. Boleh sahaja rujuk Diari Penyiasatan jika mahu. Adakah Nur Aida Ariffin tidak membaca PTKP SPRM Bab B (Siasatan) Bil. 12 Tahun 2010 mengenai Prosedur Menulis Diari Penyiasatan Di Bawah Seksyen 119 Kanun Prosedur Jenayah?

Adakah KP SPRM, Dzulkifli Ahmad atau TKP Operasi SPRM, Azam Baki yang beri arahan pada tahun 2016 itu? Kalau Dzulkifli Ahmad, sudah barang pasti Nur Aida Ariffin akan sebut nama itu. Yang pastinya Nur Aida Ariffin bukan isteri Rosli Husin, Pegawai Penyiasat SRC International. Rosli nafikan perkara ini semasa memberi keterangan dalam kes Najib Razak. Mungkinkah Puan Sri Nur Aida Ariffin cuba melindungi individu yang menduduki kerusi No. 1 (Tsar) di SPRM pada tahun 2024 kerana Nur Aida Ariffin sendiri duduk di kerusi No. 3? (Rujuk dialog antara Anwar Ibrahim kepada Presiden Putin di Moscow, Rusia baru-baru ini).

21. Sekitar bulan April 2024, Azam Baki ada buat kenyataan bahawa Tun M adalah antara individu yang disiasat berhubung isu pengisytiharan harta selepas merasmikan Pejabat Cawangan SPRM Gua Musang, Kelantan. Bahkan pada 7 Mei 2024, Azam Baki dengan berani mengatakan “X” Perdana Menteri 2 kali itu tidak akan ditahan dalam masa terdekat. Telah lebih setahun kenyataan dibuat, sehingga hari ini tidak ada kedengaran Tun M ditahan atau dirakam percakapan. Walaupun umumnya subseksyen 29 (4) Akta SPRM 2009, melarang sebarang butir-butir penyiasatan didedahkan sehingga kes dipertuduh di mahkamah, subseksyen sama benarkan pegawai SPRM seperti Azam Baki untuk keluaran kenyataan. Adakah kenyataan itu merupakan sebahagian usaha untuk mendapat penyambungan kontrak kali kedua yang bakal tamat pada bulan Mei 2024? Azam Baki bukan sahaja berani, bahkan bijak merancang strategi.

Bukankah Tun M pernah edar perisytiharan hartanya selaras dengan Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen Kerajaan. Tun M edar pada tahun 2018 kepada Shukri Abdull, KP SPRM pada ketika itu. Jumlah harta Tun M juga pernah terpapar kepada umum dalam sistem yang dibangunkan oleh SPRM. Namun, pada 17 Januari 2023, selepas Anwar Ibrahim berkata “...perisytiharan harta sebelum ini lawak”, portal mydeclaration.sprm.gov.my ditutup sementara. Hingga hari ini, dah 28 bulan laman sesawang itu ditutup sementara. Anwar Ibrahim juga kata dia akan

bincang dengan Azam Baki untuk tambah baik perisytiharan harta yang dibuat. Juga telah lebih 28 bulan, tidak kedengaran sama ada perisytiharan harta itu telah ditambah baik.

Yang pastinya usaha Tun M melalui NACP untuk wujudkan undang-undang bagi perisytiharan harta telah digugurkan oleh Anwar Ibrahim dalam NACS. Anwar Ibrahim gantikan perisytiharan harta dengan perisytiharan hadiah. Satu ketika dahulu, Anwar Ibrahim dengan bangganya umum bahawa kerajaannya ambil langkah jimat-berhemat di mana 70% hingga 80% lawatan rasmi Anwar Ibrahim ditaja oleh pihak swasta yang ikut serta dalam rombongannya. Walaupun dikatakan berjimat cermat, setakat ini pun dah habis lebih RM50 juta kos lawatan rasmi Anwar Ibrahim. Mungkin sebab Anwar Ibrahim dah umum, maka SPRM tidak perlu lagi buat siasatan tatakelola macam kes Afdlin Sauki di DBKL. Bukakkah “tajaan” itu juga satu bentuk hadiah dan boleh menjurus kepada suapan?

Bukakkah Anwar Ibrahim selepas dilantik menjadi Perdana Menteri pada 2 Disember 2022 pernah menyeru kepada semua pihak untuk berhenti mengiriskan hadiah apa pun kepada dirinya. Yang diketahui setakat ini, kasut dan kereta yang dihadiahkan oleh YDPA, Anwar Ibrahim guna. Hadiah kereta elektrik daripada Presiden Turki, Recep Tayyip Erdoğan, Anwar Ibrahim buat apa? Tun M pula, semua hadiah yang diterima dipamerkan di Galeria Langkawi.

Sekadar *recap*, pada November 2017, Presiden Indonesia, Jokowi Widodo terima album ke-3 kumpulan Metallica 'Master Of Puppets' dari Perdana Menteri Denmark, Lars Løkke Rasmussen semasa kunjungan rasmi ke Indonesia. Lars Løkke Rasmussen tahu Jokowi Widodo peminat tegar kumpulan Metallica. Album itu cukup bernilai kerana ada tandatangan Lars Ulrich, pemain dram kumpulan Metallica khusus untuk Jokowi Widodo. Jokowi Widodo terpaksa serahkan hadiah itu kepada KPK kerana undang-undang Indonesia tetapkan apa-apa hadiah yang diterima pemerintah boleh dianggap sebagai gratifikasi (rasuah). Jokowi Widodo kemudiannya membayar 5 juta Rupiah untuk memiliki semula album Metallica tersebut dan hasilnya dimasukkan dalam akaun kerajaan. Agak-agaknya, NACS Anwar Ibrahim berani tak buat perkara yang sama.

Anwar Ibrahim memang tak suka harta. Antara 3TA, Anwar tak suka harTA. Anwar Ibrahim hanya suka takhTA dan waniTA atau yang “macam waniTA” sahaja. Sebab itu harta Anwar tak banyak. Lagipun Anwar Ibrahim tidak mahu ambil gaji. Sebelum PRU ke-15, harta Rafizi Ramli yang diisytihar lagi banyak daripada harta Anwar Ibrahim walaupun Anwar Ibrahim dah lama dalam politik dan dah pegang banyak jawatan *senior* dalam kerajaan sebelum itu. Mungkin sebab itu juga Anwar Ibrahim tak suka dengan golongan mahakaya terutama korporat mahakaya bangsa Melayu. Mereka ini semua penyakau. Mungkin sebab itu monopoli Bernas dan Puspakom ditamatkan. Hanya Azam Baki sahaja yang berani menyiasat Tun, Tan Sri dan Datuk golongan penyakau mahakaya. Mungkin ini mendorong Anwar Ibrahim sambung kontrak Azam Baki 3 kali, walaupun pihak dalam PH membantah.

Setakat ini Azam Baki dilihat punyai keberanian untuk ambil tindakan terhadap golongan mahakaya Melayu yang selama ini menyakau projek-projek kerajaan dengan harga berganda. Sebelum ini Azam Baki banyak ambil tindakan ke atas orang politik yang tak sehaluan dengan Anwar Ibrahim. Dalam beberapa bulan kebelakangan ini pula, Azam Baki telah mula aktif ambil tindakan terhadap korporat

mahakaya Melayu. Banyak harta disita daripada golongan mahakaya Melayu ini. Antaranya Shahril Shamsuddin (Sapura) dan terbaru Abu Sahid Mohamed (Maju Holdings). Untuk wujudkan naratif bahawa mahakaya Melayu ini “jahat”, Azam Baki bagi tahu jumpa stor arak dan duit sukuk digunakan untuk berjudi. Bukan sahaja kenyataan Azam Baki tidak profesional, bahkan sengaja dibuat untuk mengaibkan.

Bab mengaibkan ini memang telah jadi *trend* di SPRM sekarang. Tangkap ramai-ramai, pakaikan baju oren dan panggil media tunggu di mahkamah. Kalau media belum sampai lagi, modus operandinya adalah bawa OKT pusing-pusing makan angin dahulu. Dibawa ke mahkamah bukan untuk tuduh tapi untuk dapatkan perintah reman, untuk bantu siasatan, untuk publisiti dan sensasi sambil umum projek melibatkan puluhan atau ratusan juta atau bilionan ringgit. Setiap tahun SPRM tangkap hampir seribu orang, tapi yang dituduh lebih kurang 20%. Baki 80% hanya untuk peragaan (baca mengaibkan) menunjukkan SPRM sedang buat kerja.

Masa ditangkap dan direman, habis dicanang-canangkan melalui sidang media atau kenyataan media dan berlakulah *public persecution*. Bila tidak dituduh, ada tak SPRM membersihkan nama mereka itu? Berbekalkan peruntukan bajet yang tinggi, perjawatan yang semakin membesar, cawangan baru yang semakin bertambah dan bidang kuasa yang semakin meluas, adakah tahap rasuah di Malaysia semakin baik? Kalau buat kerja tak ikhlas, menunjuk-nunjuk dan menganiaya serta mengaibkan orang, adakah Allah akan membantu?

Tidak cukup dengan menggunakan khidmat Polis Bantuan, baru-baru ini SPRM hantar pula Anti-Corruption Tactical Squad (ACTS) yang lengkap bersenjata dan bertopeng mengepung dan mengawal rumah Abu Sahid Mohamed di Bandar Tasik Selatan. Ditubuhkan pada bulan Oktober 2023, ACTS ini kononnya diwujudkan untuk melaksanakan operasi mencabar dan kes berprofil tinggi. Operasi pengepungan dan pengawalan ini sungguh mencabar bagi SPRM kerana rumah Abu Sahid Mohamed ada stor senjata api. Di samping menjadi pemegang konsesi Maju Expressway, Abu Sahid Mohamed mungkin adalah ketua kartel Medellín, atau Mafia atau Yakuza yang menyebabkan SPRM menggerakkan pasukan taktikalnya itu. Adakah Abu Sahid Mohamed yang sakit ini merupakan ancaman sehingga ACTS digunakan? Jika diambil kira jumlah wang tunai yang disita, jumlah wang tunai kes Ismail Sabri berkali-kali ganda lebih besar daripada jumlah wang tunai yang dijumpai di kediaman Abu Sahid Mohamad. Mengapa ACTS tidak digunakan dalam kes Ismail Sabri? Tak sehebat mana pun ACTS SPRM ini kalau datang hanya menaiki sebuah kereta Grand Livina, sebuah Honda City dan dua buah van yang dibeli daripada Weststar Group.

Tapi kalau mahakaya Melayu yang rapat dengan Anwar Ibrahim seperti Syed Azman Syed Ibrahim (Weststar Group), Azam Baki *close one eye*. Anwar Ibrahim banyak guna fasiliti penerbangan Weststar Group sebelum dan selepas jadi Perdana Menteri. Baru-baru ini, Weststar Group dapat kontrak penyewaan helikopter dengan kerajaan Anwar Ibrahim berjumlah 16 bilion ringgit. SPRM juga ada beli kenderaan dari Weststar Group. Siap buat majlis penyerahan di SPRM Kuala Lumpur. Tapi tauke-tauke mahakaya bangsa lain, seperti YTL, KK Mart atau Yinson, Anwar Ibrahim tak kisah. Boleh bawa ikut lawatan rasmi Anwar Ibrahim ke luar negara.

Berbalik kepada siasatan SPRM ke atas Tun M dan anak-anak Tun M. Adakah Kertas Siasatan ke atas Tun M dan anaknya dibuka berdasarkan Pandora Papers? Nama Tun M tidak ada dalam senarai Pandora Papers atau Panama Papers atau Paradise Papers. Nama anak-anak Tun M juga tidak tersenarai dalam kesemua laporan tersebut. Namun, nama Tony Fernandez (Air Asia), Jho Low dan Lim Kok Thay (Genting Group) ada dalam laporan. Mengapa Azam Baki tidak buat pengumuman dan keluarkan notis 36 (1) Akta SPRM 2009 kepada individu-individu ini juga?

Setakat ini tidak kedengaran pula Tun M dipanggil untuk dirakam percakapannya. Kalau ada pasti dicanang seantero dunia sebagaimana Ismail Sabri. Banyak kali Tun M dipanggil, sebanyak itulah liputan akan diberikan. Maklumlah Tun M sudah tua, Tun M tidak dapat bertahan lama dan Tun M perlu banyak rehat. Tidak juga kedengaran Tun M terima notis seksyen 36 (1) Akta SPRM 2009 untuk isytihar harta kepada Azam Baki. Mungkin Azam Baki telah semak dengan Norkhafizin Isa, yang merupakan *custodian* semua perisytiharan harta yang diterima semasa era Perdana Menteri ke-7.

Menggunakan modus operandi yang sama seperti kes Allahyarham Tun Daim, notis di bawah subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009 dihantar kepada dua anak Tun M. Azam Baki pada bulan Januari 20025 telah umumkan bahawa kedua-dua anak Tun M akhirnya telah jawab notis seksyen 36 (1) Akta SPRM 2009 yang Azam Baki sendiri tandatangani. Bila Azam Baki keluarkan dan tandatangani notis itu, pasti Azam Baki mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai orang yang disiasat mempunyai atau memiliki/ memegang/ memperoleh harta hasil dari atau berkaitan dengan suatu kesalahan predikat. Anak-anak Tun M itu beberapa kali minta penangguhan sebab harta yang perlu isytihar adalah sejak dari tahun 1981 (tahun Tun M jadi Perdana Menteri ke-4).

Azam Baki masih belajar pada tahun 1981 dan hanya mula berkhidmat di BPR pada tahun 1984. Notis subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009 dan notis yang sama subseksyen 32 (1) APR 1997 masih belum wujud ketika Azam Baki mula berkhidmat di BPR. Bahkan BPR pun tidak wujud lagi pada tahun 1981. BPR wujud melalui Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 dan dibentangkan sendiri oleh Perdana Menteri ke-4 bagi menggantikan Biro Siasatan Negara. Setiap kali tangguh, Azam Baki akan buat hebahan setiap kali anak-anak Tun M mohon penangguhan. Mungkin anak-anak Tun M tidak berani macam Allahyarham Tun Daim. Anak-anak Tun M ambil masa kerana sebarang harta yang tidak diisytiharkan, walau sekecil mana pun akan dijadikan asas untuk SPRM mengemukakan pertuduhan. Azam Baki bukan setakat mengesahkan anak-anak Tun M telah jawab notis subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009, Azam Baki juga berani dedahkan perincian nilai keseluruhan harta anak-anak Tun M. Begitu berani dan profesionalnya Azam Baki ini.

Azam Baki semasa di Gua Musang juga menyatakan bahawa dia tidak berhasrat untuk memperincikan lagi maklumat lanjut berhubung kes itu, tentang apa kesalahan yang dilakukan kesemua mereka. Pelik sungguh Azam Baki ini. Apakah Azam Baki sedang mencari-cari kesalahan yang mungkin tidak wujud? Azam Baki adalah *publicity seeker* sama macam Anwar Ibrahim yang suka mencari populariti. Tidak ditanya pun dia akan beritahu. Contohnya bila Azam Baki kata dia tidak pernah lihat duit tunai sebanyak duit tunai dalam kes Ismail Sabri sepanjang

kariernya (akan dibangkitkan di bawah nanti). Seolah-olah Azam Baki adalah SPRM dan SPRM adalah Azam Baki.

22. Portal berita Bloomberg sekitar bulan September 2024 pernah menerbitkan berita bahawa SPRM diarah oleh Anwar Ibrahim untuk tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas Farhash Wafa Salvador, bekas Setiausaha Politik Anwar Ibrahim,. Portal berita yang sama juga menyatakan bahawa Anwar Ibrahim telah mengarahkan supaya SPRM bertindak ke atas Allahyarham Tun Daim dan Tun M, golongan mahakaya yang banyak menyakau projek-projek besar kerajaan (naratif yang selalu diulang-ulang oleh Anwar Ibrahim). Laporan kontroversi Bloomberg itu tidak pernah dinafikan dengan tegas oleh Anwar Ibrahim (hanya sekadar penafian daripada Pejabat Perdana Menteri sahaja) atau diambil tindakan tuntutan sivil di mahkamah sama ada oleh kerajaan atau Farhash Wafa Salvador. Bahkan pihak MCMC juga tidak mengenakan apa-apa tindakan, merampas telefon atau komputer sebagaimana biasa atau memberi apa-apa teguran ke atas “fake news” oleh Bloomberg. Mungkin tidak boleh diambil tindakan disebabkan undang-undang Anti-Fake News telah dimansuhkan oleh kerajaan PH sendiri berkuat kuasa 31 Januari 2020. Atau MCMC telah “belajar” dari Azam Baki bagaimana untuk jadi berani.

Jika diteliti laporan oleh Bloomberg itu, mungkin terdapat kebenaran dalam laporan yang disiarkan. Mungkin juga tidak. Azam Baki di Gua Musang pernah kata Tun M adalah antara individu yang disiasat atas isu perisytiharan harta, namun tidak kedengaran pula Tun M dipanggil oleh SPRM untuk dirakam percakapan atau Tun M perlu jawab notis subseksyen 36 (1) Akta SPRM 2009. Mungkin sekadar publisiti murahan untuk menjatuhkan reputasi Tun M. Adakah ini “dendam” Azam Baki kepada Tun M kerana tidak melantiknya sebagai KP SPRM lebih awal atau sekadar memenuhi “permintaan” Anwar Ibrahim sebagaimana didakwa oleh Bloomberg? Sekiranya Tun M lantik Azam Baki lebih awal pun, belum tentu Azam Baki tidak akan menyiasat Tun M kerana Tun M telah jadi “X” seperti Muhyiddin Yassin.

Azam Baki dilihat tidak mempamerkan keberanian luar biasa dalam kes-kes perolehan kontrak kerajaan oleh Farhash Wafa Salvador seolah-olah laporan Bloomberg itu ada asasnya. Bahkan, Farhash Wafa Salvador dilantik pula untuk mengetuai banyak syarikat-syarikat besar termasuk syarikat senaraian awam sebaik sahaja Anwar Ibrahim dilantik menjadi Perdana Menteri. Di samping itu, tindakan berterusan yang dibuat oleh SPRM ke atas golongan mahakaya seperti Allahyarham Tun Daim dan Tun M yang didakwa telah menyakau berbilion-bilion projek kerajaan, seolah-olah mengesahkan lagi laporan Bloomberg tersebut.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, golongan mahakaya yang diambil tindakan oleh SPRM sebelum ini bukanlah daripada kalangan tauke-tauke dan taikun-taikun yang telah menyakau berbilion-bilion ringgit sebagaimana sering dilaungkan oleh Anwar Ibrahim. Hanya baru-baru ini sahaja SPRM dilihat bersungguh-sungguh. Sebaliknya, tindakan lebih tertumpu kepada ahli-ahli politik yang tidak sehaluan dengan Anwar Ibrahim. Apa yang Zaid Ibrahim dan Tun M kata ada kebenarannya lagi.

Pelantikan Farhash Wafa Salvador untuk menerajui syarikat-syarikat besar sebenarnya tidak menghairankan kerana semua pihak telah sedia maklum Anwar Ibrahim baru-baru ini telah membuat kenyataan bahawa lantikan politik perlu sebagai menghargai jasa mereka kepada parti . Selain itu, apa perlunya lagi untuk

Azam Baki mengambil sebarang tindakan ke atas Farhash Wafa Salvador kerana mantan TKP Pencegahan SPRM, Norazlan Mohd Razali telah dilantik sebagai Non-Executive Director di Apex Equity Holdings Bhd, sebuah syarikat senaraian awam berkuat kuasa pada bulan Januari 2025 sebaik sahaja bersara dari perkhidmatan SPRM pada bulan November 2024.

Mungkin Norazlan Mohd. Ghazali hantar *resume* macam Nurul Hidayah anak Zahid Hamidi hantar ke UPM. Beruntung seorang lagi Nurul hanya kerana berbintikan Zahid Hamidi. Atau mungkin Norazlan Mohd. Ghazali adalah “sekutu” Azam Baki dan ditempatkan di Apex Equity Holdings Bhd. Apa kaitannya SPRM dengan Apex Equity Holdings Bhd? Kena selidiki siapakah Pengerusi Apex Equity Holdings Bhd? Dia adalah Farhash Wafa Salvador.

23. Sekitar bulan November 2024, telah tular beberapa video dakwaan rasuah melibatkan beberapa ADUN Negeri Sabah. Pada mulanya, SPRM seolah-olah mengambil sikap tunggu dan lihat, tidak ada pengumuman, tidak ada tangkapan atau ADUN-ADUN terbabit direman serta dipakaikan baju oren sebagaimana kes-kes siasatan SPRM sebelum ini. Walaupun, siasatan kemudiannya dijalankan dan dikatakan telah disiapkan serta dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya sekitar bulan Januari 2025, Azam Baki pada bulan Februari 2025 dengan mudah membuat pengesahan bahawa kesemua video yang didedahkan telah disunting dan tiada kredibiliti untuk digunakan sebagai bukti dalam siasatan kes itu. Pantas sungguh Azam Baki membuat kesimpulan. Hanya dua bulan sahaja diperlukan oleh SPRM untuk menyiasat dan merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya. Namun, representasi Zahid Hamidi (lebih 20 bulan) masih belum ada kesudahan.

Ini mendorong Latheefa Koya mengadakan sidang media pada bulan Mac 2025 di mana Latheefa Koya memaklumkan akan mengemukakan kepada SPRM video penuh bersama-sama dengan alat perakam yang digunakan. Namun, pada bulan April 2025 dalam satu sidang media semasa satu program di Kota Kinabalu, Azam Baki mempunyai *audacity* untuk mengumumkan bahawa Ketua Menteri Sabah, Hajiji Noor, tidak terlibat berkaitan isu pelesenan lombong mineral yang membabitkan lapan ADUN Negeri Sabah sedangkan siasatan masih belum selesai. Adakah pengumuman ini ada kaitan dengan PRN Negeri Sabah yang perlu diadakan selewat-lewatnya akhir tahun ini? Kita tunggu sahaja perkembangan terbaru setelah Kertas Siasatan dikemukakan kepada AGC baru-baru ini. Sebagaimana yang dimaklumkan Azam Baki, seorang dua akan didakwa sedangkan yang terlibat hampir 8 orang.

24. Azam Baki pada bulan Februari 2025 telah mengumumkan tiada unsur salah laku dalam perolehan di DBKL melibatkan Ahli Lembaga Pengarah DBKL, Afdlin Sauki yang merupakan ahli PKR yang telah memenangi jawatan Ketua Cabang Setiawangsa menewaskan pemegang jawatan terdahulu, seorang Menteri Persekutuan. Yang peliknya, pada peringkat awal, SPRM meminta supaya pihak DBKL melaksanakan siasatan dalaman terlebih dahulu. Nampaknya, Zaid Ibrahim betul sekali lagi. Berdasarkan semakan ke atas laporan siasatan dalaman itu, Azam Baki telah mengumumkan bahawa tidak wujud kesalahan jenayah dan ia lebih menjurus kepada tata kelola yang lemah tanpa siasatan dilakukan oleh pihak SPRM sendiri. Adakah laporan siasatan dalaman tersebut dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Menilai Maklumat untuk diputuskan atau laporan itu diputuskan di bilik Azam Baki sahaja. Dalam apa keadaan sekalipun, keputusan tetap dibuat oleh

Azam Baki kerana Azam Baki adalah Pengerusi Jawatankuasa Menilai Maklumat. Nampaknya juga wujud kelemahan tata kelola yang sama di SPRM.

25. Masyarakat umum tidak mengetahui pada penghujung tahun 2024, Perdana Menteri ke-9, Ismail Sabri telah diarahkan oleh SPRM untuk mengisytiharkan harta kerana disyaki terbabit dengan amalan rasuah dan penggubahan wang haram berkaitan perbelanjaan serta perolehan dana untuk promosi dan publisiti program Keluarga Malaysia. Pada masa itu, tidak ada kenyataan media atau pengumuman dibuat oleh Azam Baki mahupun daripada sumber dalaman SPRM sebagaimana kebiasaan, seolah-olah dikendalikan dengan cukup profesional walaupun Azam Baki boleh berbuat demikian kerana kuasanya mengikut subseksyen 29 (4) Akta SPRM 2009.

Namun, seawal bulan Mac 2025, muncul pengumuman bahawa beberapa orang bekas pegawai Perdana Menteri ke-9 tersebut telah ditahan diikuti beberapa sesi rakaman percakapan dibuat oleh SPRM ke atas Ismail Sabri dan diberikan liputan media yang cukup luas pada kali ini. Adakah tindakan ini diambil kerana terdapat desas-desus bahawa Ismail Sabri akan membuat *comeback* dan menarik sokongan ke atas Perdana Menteri. Keberanian Azam Baki ini agaknya mungkin mendorong Anwar Ibrahim untuk memberikan sambungan kontrak kali ketiga kepada beliau.

Ratusan juta ringgit dalam bentuk tunai dan harta alih lain dijumpai. Azam Baki mengakui rampasan wang tunai bernilai RM177 juta dalam siasatan terhadap Ismail Sabri adalah yang paling banyak pernah dilihat sepanjang kariernya, melebihi *Ops Water*. Beberapa orang pegawai bekas Perdana Menteri ke-9 ditahan dan direman serta dipakaikan baju oren. Bukti dah depan mata, *caught red handed* tapi mengapa Ismail Sabri tidak pernah ditangkap? Hanya dipanggil hadir ke SPRM untuk diambil keterangan. Bukan sekali, bukan 2 kali dan bukan 3 kali. Sebaliknya setakat ini dah 8 kali. Mungkin Pak Long Mail tidak sihat sebab kena serangan jantung bila Pak Long Mail dapat tahu pegawainya ditangkap SPRM. Mungkin atas faktor kebajikan dan kesihatan, SPRM tidak menahan, tidak mereman dan tidak memakaikan baju oren kepada Pak Long Mail. Atau mungkin ada sebab lain.

Sebenarnya, Ismail Sabri tidak ditangkap, tidak direman dan tidak dipakaikan baju oren adalah disebabkan duit yang dijumpai itu bukan milik Ismail Sabri. Ada spekulasi mengatakan duit itu sebenarnya milik UMNO. MKT UMNO mungkin tidak tahu. Tapi Presiden UMNO, Zahid Hamidi dan Setiausaha Agung UMNO, Asyraf Wajdi tahu. Akaun UMNO masih dibekukan dan belum lagi dibatalkan pembekuannya. Supaya lebih selamat, lebih baik individu yang tidak ada kontroversi seperti Ismail Sabri simpan duit tersebut. Sebab itu, walaupun dihina oleh orang-orang UMNO sendiri ketika Ismail Sabri jadi Perdana Menteri, Ismail Sabri tetap setia dengan UMNO. Sebab itu juga, Ismail Sabri tidak pernah dilihat bersungguh-sungguh untuk menarik sokongan ke atas Anwar Ibrahim walaupun banyak spekulasi mengenainya wujud. Kalau duit itu duit PN, awal-awal lagi Azam Baki dah panggil sidang media.

Kalau ada kesempatan dan keberanian, cuba wartawan minta pengesahan daripada Azam Baki mengenai perkara ini. Hafiz Mohd, wartawan Malaysiakini boleh cuba tanya. Kalau ada apa-apa berita sensasi atau naratif yang Azam Baki hendak buat, Azam Baki akan bagi tahu Hafiz Mohd dahulu, contohnya "duit kalau masuk akaun

pemerintah itu adalah rasuah...memetik sumber dalaman pegawai kanan SPRM". Seminggu lepas itu, Muhyiddin Yassin dituduh di mahkamah.

Adakah Azam Baki berani untuk mengesyorkan supaya Ismail Sabri segera dituduh atau Azam Baki khawatir Ismail Sabri akan *spill the beans*? Bukti duit dah ada depan mata berbanding kes ADUN-ADUN Sabah. Keterangan dan saksi berkaitan boleh dicari kemudian. Tuduh dulu dan cari bukti dan saksi kemudian bukan perkara baru di bawah kepimpinan Azam Baki. Kes Muhyiddin Yassin apa kurangnya. Bila agaknya rakaman percakapan Tengku Zafrul diambil, sebelum atau selepas Muhyiddin Yassin dituduh. Harap lebih ramai pegawai SPRM seberani Nurzahidah Yacop (kes Shahrir Samad) semasa memberi keterangan di mahkamah nanti.

Jika spekulasi itu benar, adakah Azam Baki akan menggunakan naratif yang sama dalam kes pendakwaan Muhyiddin Yassin memandangkan duit rampasan itu adalah duit UMNO? Mengikut keputusan Mahkamah Rayuan, sekutu termasuk parti politik dan UMNO adalah sebahagian parti pemerintah ketika ini. Atau adakah Azam Baki khawatir, pertuduhan yang turut membabitkan UMNO akan menjejaskan pakatan UMNO dengan PH?

Memandangkan Anwar Ibrahim begitu serius dan berterusan memperjuangkan isu-isu rasuah dan salah guna kuasa, mungkin Anwar Ibrahim boleh bincang dengan Azam Baki agar membuktikan sekali lagi keberaniannya dengan menuduh anggota "parti rakan" buat pertama kalinya bagi membersihkan kepimpinan Anwar Ibrahim daripada pelbagai persepsi negatif. Tindakan itu juga akan mematahkan kenyataan Zaid Ibrahim dan Tun M. Setakat ini yang dituduh adalah dari parti lawan termasuk Wan Saiful Wan Jan (PN – Tasek Gelugor) dalam Ops Jana Wibawa 2.

Tambahan pula, tanpa UMNO sekalipun, Anwar Ibrahim masih mempunyai majoriti untuk kekalkan kuasa sebagai Perdana Menteri dengan sokongan GRS dan GPS. Ia juga memberikan Azam Baki peluang memadamkan rekod Shukri Abdull (kes Najib Razak) apabila berjaya menuduh 2 bekas Perdana Menteri (Muhyiddin Yassin dan Ismail Sabri) di era pentadbirannya sebagai KP SPRM. *Kill 2 birds with one stone*. Baik untuk Anwar Ibrahim dan bagus juga untuk Azam Baki. Harap Azam Baki boleh padamkan satu lagi rekod Shukri Abdull iaitu pendakwaan Najib Razak di era Shukri Abdull berjaya mendapat sabitan sehingga Mahkamah Persekutuan. Adakah Muhyiddin Yassin dan Ismail Sabri kelak akan disabitkan sama?

Terkini, Azam Baki memaklumkan bahawa SPRM akan merakam kenyataan bekas menantu Ismail Sabri, Jovian Mandagie di Jakarta Indonesia. Memandangkan Jovian Mandagie merupakan warganegara Indonesia dan rakaman percakapan akan dibuat di luar Malaysia, Azam Baki tidak pula bagi tahu adakah pihak berkuasa yang berkenaan di Indonesia telah memberikan kerjasama untuk membenarkan rakaman percakapan dibuat selaras dengan peruntukan di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 (Akta 621). Mengikut Akta 621 ini, sesuatu permohonan hendaklah dibuat oleh Peguam Negara kepada pihak berkuasa negara asing berkenaan sama ada untuk menerima atau menolaknya. Contohnya, Nur Aida Ariffin dalam keterangannya di mahkamah dalam kes 1MDB menyatakan 4 negara iaitu Switzerland, Barbados, Hong Kong dan Belanda tidak memberikan apa-apa respons ke atas permohonan Peguam Negara Malaysia.

Sekiranya tidak dibuat mengikut undang-undang yang berkuat kuasa, bagaimana keterangan itu hendak digunakan kelak di mahkamah? Adakah Azam Baki telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan pada 31 Januari 2007? Mahkamah Persekutuan memutuskan keterangan 6 saksi yang direkodkan di mahkamah Hong Kong tidak boleh diterima sebagai bukti dalam perbicaraan Eric Chia kerana keterangan yang diperolehi di bawah subseksyen 8 (3) Akta 621 itu tidak memenuhi keperluan Akta Keterangan 1950. Adakah pasukan penyiasat SPRM yang pergi ke Jakarta itu sekadar untuk “bersembang-sembang” dengan Jovian Mandagie? Sama seperti pasukan penyiasat yang diketuai oleh Nur Aida Ariffin “bersembang-sembang” dengan Nik Faisal Ariff Kamil, Ketua Pegawai Eksekutif SRC International di sebuah hotel di Jakarta, Indonesia. Nik Faisal Ariff Kamil sehingga sekarang masih MIA seperti Jho Low.

Apa yang dilakukan oleh Azam Baki dan perkongsian-perkongsian di atas telah membuktikan bahawa kenyataan dan firasat Anwar Ibrahim mengenai keberanian Azam Baki adalah “tepat” mengikut tafsiran Anwar Ibrahim sendiri. Walaupun terpaksa menentang arus dan kehendak ahli PKR termasuk anaknya sendiri, tindakan Anwar Ibrahim yang sanggup menyambung kontrak Azam Baki buat kali ketiga membuktikan betapa Anwar Ibrahim sebenarnya yang memerlukan khidmat Azam Baki. Bukan kerana keberanian Azam Baki, sebaliknya untuk kepentingan Anwar Ibrahim sendiri. Cuma, tumpuan SPRM setakat ini bukan kepada tauke-tauke besar (kecuali mahakaya berbangsa Melayu), sebaliknya ke atas ahli-ahli politik seperti Muhyiddin Yassin, Allahyarham Tun Daim dan Tun M sebagaimana yang didakwa oleh Bloomberg. Kenyataan Zaid Ibrahim dan Tun M sekali lagi amat tepat.

- Kepada Rafizi Ramli, tahniah, anda telah mengotakan janji anda. Ini permulaan yang baik untuk anda dan semoga ia akan berterusan. Mungkir janji adalah salah satu ciri munafik. Anda telah meletakkan jawatan sebagai Menteri Ekonomi setelah kalah pemilihan jawatan Timbalan Presiden, tidak timbul lagi isu *collective responsibility* sebagai anggota Pentadbiran. Anda boleh segera dan gerakkan semula kempen “Cari Azam Baki” dan bukan sekadar “HIRUK Azam Baki” sebelum PRU ke-15

Pesanan lanjut untuk Rafizi Ramli, jangan terlalu berpatah arang berkerat rotan dengan Parti Keluarga dan Rumahtangga (PKR) Anwar Ibrahim ini, mesin gedegang Kementerian lama anda mungkin akan menjadi sasaran seterusnya. Buat sahaja seperti V. Sivakumar, Teresa Kok atau Saifuddin Nasution, walaupun pegawai masing-masing ditangkap dan direman, mereka masih lagi setia menyokong. Kalau bernasib baik seperti V. Sivakumar yang kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi MyCEB, manalah tahu anda boleh dilantik sebagai Presiden dan CEO Petronas yang baru.

- Kepada Hajah Nurul Izzah, selepas balik daripada menunaikan haji, anda ada janji yang perlu ditunaikan. Sila kotakan janji anda untuk membangkitkan kepada Presiden PKR (Perdana Menteri @ Papa anda) isu penyambungan kontrak Azam Baki sebagaimana yang anda janjikan semasa kempen pemilihan Timbalan Presiden PKR baru-baru. Buat sementara waktu, pempengaruh media sosial atau *cybertrooper* HIRUK mohon jangan tekan Nurul Izzah untuk bangkitkan isu kontrak Azam Baki kepada Presiden PKR. Berikan Nurul Izzah ketenangan dalam beribadah. Hajah Nurul Izzah mungkin masih tertekan untuk menjelaskan isu kos dan pengurusan hajinya bersama suami.

Namun, sebaik sahaja balik dari Mekah, diharap Hajah Nurul Izzah sesegera mungkin bangkitkan isu kontrak Azam Baki. Mohon Hajah Nurul Izzah tidak mengambil sikap berDAMAI dengan Presiden PKR dalam isu Azam Baki. Manalah tahu Hajah Nurul Izzah akan dilantik jadi anggota Pentadbiran dan alasan Rafizi Ramli mungkin boleh *direcycle*.

- Kepada Adam Adli, yang tidak lagi mengetuai Angkatan Muda Keadilan dan tewas pemilihan menjadi Timbalan Ketua Cabang Hang Tuah Jaya, ramai merindui demonstrasi jalanan anda semasa demonstrasi Undur Azam Baki suatu ketika dahulu. Bandaraya Kuala Lumpur memerlukan sedikit kemeriahan khususnya pada hujung minggu dengan adanya demonstrasi aman dan sopan serta jauh berbeza dengan ketika zaman reformasi “abang-abang” dan “pakcik-pakcik” anda.
- Kepada Maszlee Malik yang sekali lagi telah dipilih menganggotai Majlis Pimpinan Pusat, inilah masa untuk bertindak kepada “bangsat-bangsats” yang pernah mengintimidasi anda dan pegawai anda di Simpang Renggam suatu masa dahulu.

Berdasarkan sedikit perkongsian di atas, kesimpulannya jelas membuktikan bahawa Azam Baki hanya berani mengambil tindakan ke atas “X”PM (bekas Perdana Menteri) dan bukannya PMX (*current sitting Prime Minister*). Sepanjang sejarah penubuhan BPR/SPRM hampir 58 tahun, terbukti hanya seorang sahaja KP BPR/SPRM yang punya keberanian dan kekuatan luar biasa untuk menyalut *sitting Prime Minister* sehingga sanggup kehilangan kedudukan di SPRM termasuk berhadapan dengan pengkhianatan dari dalam SPRM sendiri demi mempertahankan kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM. Zaid Ibrahim benar-benar dapat *bull eye* berhubung tafsiran terbaru reformasi mengenai keberanian.

Kepada Anwar Ibrahim, senarai di atas membuktikan satu fakta yang tidak boleh dinafikan berhubung keberanian Azam Baki. Azam Baki hanya berani mengambil tindakan ke atas mereka yang tidak lagi memegang kuasa. Selepas mereka tidak lagi berkuasa, atau tidak berada di puncak kuasa atau apabila berlaku pertukaran kuasa, salah laku pemerintah terdahulu pasti Azam Baki (sekiranya kerajaan baharu mahu menjadikan Azam Baki sebagai “orang kita” kerana keberaniannya atau kerana Azam Baki terlalu banyak menyimpan “fail rahsia” keburukan pelbagai pihak) akan ambil tindakan termasuklah ke atas individu bernama Anwar Ibrahim, jika ditakdirkan PH kalah dalam PRU ke-16 nanti. Sekali lagi diingatkan, di Malaysia *there is generally no statute of limitations for criminal offences*.

Peringatan khas untuk Anwar Ibrahim daripada ahli Nujum Negara, Nujum Pak Belalang. Sekiranya Anwar Ibrahim gagal menjadi Perdana Menteri dalam PRU ke-16, Anwar Ibrahim diramalkan akan kembali menghuni dan mereput di Penjara Sungai Buluh. Firasat Nujum Pak Belalang ini adalah hasil telekan Nujum Pak Belalang semasa pertandingan Asean All Stars menentang Manchester United di Stadium Bukit Jalil baru-baru ini. Anwar Ibrahim sebagai Pengerusi Asean sepatutnya menyokong Asean All Stars, sebaliknya Anwar Ibrahim mungkin terlampau teruja dengan memilih untuk menyokong Manchester United disebabkan Stadium Bukit Jalil dibanjiri penyokong Manchester United. Anwar Ibrahim jelas sekali lagi tidak menunjukan kesetiaannya dan memilih untuk dilihat popular di kalangan *fans* setan merah, *typical of him*.

Ramalan dan firasat ini berpandukan kepada nasib yang dialami bekas Perdana Menteri, Najib Razak, juga penyokong Manchester United. Bekas Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin mungkin terselamat sekiranya PH kalah dalam PRU ke-16 kerana Muhyiddin Yassin adalah penyokong ayam merah yang menang tahun ini. Kerajaan baru pasti akan mengikut nasihat Azalina dengan melantik “orang kita” sebagai Peguam Negara. Mengikut firasat Nujum Pak Belalang juga, sekiranya PH kekal berkuasa sekalipun, Muhyiddin Yassin tetap akan terselamat dan dibebaskan oleh mahkamah. Namun, Nujum Pak Belalang masih belum dapat meramalkan apa akan berlaku kepada Ismail Sabri, penyokong singa biru.

Seandainya Tengku Zafrul yang bakal menganggotai PKR direzekinya menjadi Perdana Menteri di masa hadapan, Tengku Zafrul juga mungkin terselamat kerana Tengku Zafrul juga menyokong pasukan ayam merah. Namun, nasib mungkin tidak menyebelahi KJ jika masih menyimpan cita-cita tinggi dan mengekalkan sokongannya kepada pasukan setan merah yang sama; kecuali Azam Baki dilantik lagi menjadi KP SPRM. Ini disebabkan dalam PRU ke-14, Azam Baki dengan bangganya bagi tahu dia baru balik undi KJ di Rembau sambil menunjuk jari yang dicelup dakwat. Begitu juga buat Wan Muhammad Azri Wan Deris @ Papagomo atau lebih dikenali sekarang sebagai Sir Azri, pengemudi Team Walabot, lebih baik tukar pasukan kerana sesiapa yang menyokong Manchester United mungkin ke penjara. Sir Azri pun ada banyak kes sekarang ni. Namun, Sir Azri bukan Perdana Menteri dan tak teringin menjadi Perdana Menteri. Ramalan dan firasat Nujum Pak Belalang hanya terpakai sekiranya Sir Azri menjadi Perdana Menteri.

Kepada Azam Baki, berhentilah menjadi alat politik. Perkongsian-perkongsian di atas membuktikan betapa SPRM di bawah kepimpinan anda mempraktikkan *selective enforcement*, *selective treatment* dan *selective investigation* yang sungguh luar biasa. Anda telah terlalu berselirat serta terjat (entangle) dalam permainan yang anda sendiri ciptakan dan sukar untuk anda untuk melepaskan diri melainkan anda terus mengikut rentak warna pemerintah. Tidak pernah BPR/SPRM berada dalam situasi sebegini kecuali semasa era anda. Perkongsian-perkongsian di atas menceritakan segala-gala. Anda mungkin menafikannya dan menanggapnya sebagai satu fitnah dan usaha untuk mencemarkan imej anda serta mewujudkan persepsi negatif terhadap SPRM. Mulut akan sentiasa menafikan tapi hati tidak boleh berterusan menipu.

Cukup-cukuplah menzalimi orang lain yang tidak berupaya khususnya yang telah tiada dengan kenyataan yang anda keluarkan dan tindakan berterusan yang anda lakukan semata-mata anda mempunyai kuasa untuk melakukannya. Tindakan anda juga tidak mempunyai asas perundangan yang kukuh sebaliknya untuk memenuhi kehendak pihak yang boleh memberikan keuntungan kepada anda. Setakat ini apa yang organisasi dapat. RM 5 juta daripada Kementerian Kewangan untuk diagih-agihkan sebagai bonus penghargaan kepada pegawai-pegawai SPRM.

Ingatlah, kuasa itu datang dengan amanah serta tanggungjawab dan akan dipersoalkan kelak di Yaumul Mahsyar. Ingat bahawa anda juga telah mengucapkan sumpah Wallahi, Wabillahi, Watallahi di hadapan YDPA ketika dilantik menjadi KP SPRM. Jadilah seperti lebah (An-Nahl :68) yang memberi manfaat kepada manusia dan janganlah jadi seperti labah-labah (Al-Ankabut: 41) yang menggunakan sarangnya yang rapuh untuk memangsakan mereka yang tidak berupaya dan telah tiada semata-mata kerana anda fikir anda kuat dan punya kuasa. Namun, sarang rapuh itu akan musnah juga walaupun ditiup angin, apatah lagi kalau badai yang melanda. Buatlah pilihan tepat antara syurga

dunia yang bersifat sementara atau syurga akhirat yang kekal abadi ketika masih ada kesempatan.

Allah telah memberikan peringatan kepada anda pada tahun 2019. Jagalah kesihatan yang tersisa dengan baik dan habiskan masa berkualiti dengan anak yang seusia dengan cucu anda. Tumpukan masa untuk beribadah dan masjid yang sedang anda bangunkan. Banyak-banyak bermuhasabah dan memohon keampunan atas apa yang pernah anda lakukan. Yang masih hidup mungkin akan memaafkan anda, tapi bagaimana pula bagi yang telah tiada. Diharap kuasa, kedudukan dan kemasyhuran yang anda nikmati tidak menjadi istidraj yang sebenarnya menyesatkan dan meleakakan anda, Azam Baki.

Takutlah kamu doa orang dizalimi, sesungguhnya antaranya dengan Allah tiada sebarang hijab (penghalang),”. (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Ketika politikus rakus mencatur kuasa
Rakyat marhaen berterusan dicengkam sengsara
Penguasa bermaharajalela mengikut warna
Mengikut selera tuannya membabi buta

Aku, burung kecil hanya berupaya
Membawa setitis air dengan kudrat yang ada
Memadam api kezaliman yang semakin mengila
Semoga Allah tentukan balasanNYA

Burung Kecil, pilihan apa yang engkau ada
Memilih mudarat kecil atau yang lebih berbahaya
Antara aib saudara atau membela yang teraniaya dan telah tiada
Demi Agama, Bangsa dan Negara

Semoga Allah memelihara dan mengampuni dosa kita semua serta merahmati sebuah negara bernama **MALAYSIA**.

Aku Burung Kecil & bukannya Khadam, bukannya Satria